05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KATA ADJEKTIF BAHASA MELAYU –THAI: SATU ANALISIS KONTRASTIF

FADILAH SALEAH
NO. PENDAFTARAN: 200082000312

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

Tarikh: OKTOBER 2010

Tandatangan: .....

Nama Calon : FADILAH SALEAH

No. Pendaftaran: 200082000312

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dedikasi

Bonda dan ayahanda restuilah perjuangan anakanda,

Kepada kakak, abang dan adik-adik

Maimunah, Abdullah, Ihsan, Solahuddin dan Usamah

berusahalah memperjuangkan masa depanmu.

Untuk diri rakan seperjuangan ingatlah sentiasa

Bahawa "setiap kesukaran ada kesenangan".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulilllah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, membolehkan saya menyiapkan kajian ilmiah ini sebaik mungkin mengikut tempoh masa yang ditetapkan dengan sempurna. Kajian ilmiah ini khusus kepada penggunaan Bahasa Melayu dalam aspek Kata Adjektif Bahasa Melayu-Thai: Satu Analisis Kontrastif. Sudah menjadi resam dunia bahawa tidak ada jalan pintas untuk mencapai sesuatu kejayaan itu, jalan berliku penuh onak pasti akan ditempuh jua. Keadaan ini sesuai dengan pepatah Melayu yang mengatakan "Yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih tidak akan datang melayang". Justeru itu, usaha yang gigih dan tanpa mengenal penat lelah pasti akan membuahkan hasil yang diharapkan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berusaha Puan Norliza binti Jamaluddin yang sentiasa pemurah memberi nasihat, pandangan dan tunjuk ajar yang berguna bagi menghasilkan kajian ilmiah ini. Begitu juga Prof. Dr. Abdullah Hassan, Encik Ahmad Khair Mohd Nor di atas segala khidmat bimbingan, pandangan, tunjuk ajar dan dorongan yang tidak mengenal jemu daripada beliau telah dapat menjana minda saya untuk menghasilkan kajian ilmiah ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang telah mencurah ilmu selama kami bernaung di bawah tudung bayangan cahaya Ibu Kandung Suluh Budiman, serta karyawan perpustakaan, makmal, karyawan pusat pasca siswazah dan seluruh keluarga Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana sumbangan, pandangan, buah fikiran dan nasihat yang membolehkan kajian ilmiah ini dapat dihasilkan dengan baik.

Penghormatan yang tidak terhingga juga ku sajikan ke atas ribaan yang dirindu ibundaku, Aeshah Ma'ke yang sentiasa mencurah kasih serta doa yang menyemarakkan semangatku menuju kejayaan dalam hidupku. Begitu juga kepada Kakak Maimunah, abang Abdullah, adik Ihsan, Solahuddin dan Usamah yang telah memberi sokongan terhadap cita-cita suci ini.

Akhir kata, kepada semua yang terlibat menyempurnakan kajian ini, diucapkan ribuan terima kasih dan semoga Allah saja yang akan memberikan ganjaran kepada mereka semasa hidup di dunia dan di akhirat nanti.

Wassalam.

Fadilah Saleah
Yala Thailand
Program Pendidikan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
2010.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Thai: Satu Analisis Kontrastif. Kajian ini telah menggunakan analisis kontrastif bagi menganalisis kata adjektif. Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan aspek penjenisan dan susunan kata adjektif yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Thai. Kajian ini juga memperlihatkan persamaan dan perbezaan dalam dua aspek utama; iaitu pembentukan kata adjektif yang merangkumi aspek pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan, serta aspek kedua berkaitan fungsi kata adjektif bagi kedua-dua bahasa Melayu dan Thai. Dapatan dalam kajian ini menunjukkan bahawa wujud persamaan dan juga perbezaan antara kata adjektif dalam bahasa Melayu dan Thai. Akhir sekali, secara tidak langsung dapat membantu, menimbulkan minat dan meningkatkan pembelajaran bahasa kedua dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This thesis examines the adjective word of Malay and Thai: A contrastive analysis. This study was used to analyze the contrastive analysis of adjectives. The purpose of this study is to discuss aspects of classification and arrangement of adjectives word found in both Malay and Thai. The study also showed similarities and differences in the two main aspects: the formation of adjectives that includes aspects affixation, compound word and duplication, as well as aspects related to the function of the adjective for both Malay and Thai. The findings of this study indicate that there are also similarities and differences between the adjectives in the Malay and Thai. Finally, indirect help generate interest and enhance the learning of second language teaching and learning.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Hal.
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		x
BAB 1	**PENDAHULUAN**	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Bahasa Yang Dikaji	3
	1.2.1 Bahasa Melayu	3
	1.2.2 Bahasa Thai	4
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Batasan Kajian	10
1.8	Kesimpulan	11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 13

2.2 Kajian Literatur 14

2.2.1 Kata Adjektif Bahasa Melayu 14

2.2.1.1 Definisi Kata Adjektif Bahasa Melayu 14

2.2.1.2 Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Melayu 16

2.2.1.3 Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu 20

2.2.1.4 Fungsi Kata Adjektif Bahasa Melayu 23

2.2.1.5 Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Melayu 25

2.2.2 Kata Adjektif Bahasa Thai 29

2.2.2.1 Definisi Kata Adjektif Bahasa Thai 29

2.2.2.2 Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Thai 31

2.2.2.3 Fungsi Kata Adjektif Bahasa Thai 33

2.2.2.4 Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Thai 35

2.3 Teori Analisis Kontrastif 36

2.4 Tinjauan Kajian Berkaitan 40

2.5 Kesimpulan 44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 45

3.2 Kajian Perpustakaan 45

3.3 Alat Kajian 46

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4	Prosedur Penganalisisan Data	47
3.5	Analisis Kontrastif	47
BAB 4	**DAPATAN KAJIAN**	
4.1	Pengenalan	50
4.2	Perbandingan Definisi Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai	50
4.3	Perbandingan Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai	53
4.4	Perbandingan Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai	59
4.5	Perbandingan Fungsi Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai	61
4.6	Perbandingan Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai	63
4.7	Kesimpulan	66
BAB 5	**KESIMPULAN DAN CADANGAN**	
5.1	Pengenalan	68
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian	68
5.3	Cadangan	71
BIBLIOGRAFI		**74-78**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Hal.
2.1	Definisi Kata Adjektif Bahasa Melayu	15
2.2	Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Melayu	16
2.3	Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu	21
2.4	Fungsi Kata Adjektif Bahasa Melayu	23
2.5	Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Melayu	26
2.6	Definisi Kata Adjektif Bahasa Thai * /Khuam mai kom visit/*	29
2.7	Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Thai * /Chanid kom visit/*	31
2.8	Fungsi Kata Adjektif Bahasa Thai * /Nati kom visit/*	33

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras dan wajib diajarkan oleh setiap guru Bahasa Melayu di setiap peringkat sekolah di Malaysia dan juga sekolah agama swasta di Thailand. Apabila Bahasa Melayu dipelajari oleh pelajar bukan Melayu seperti pelajar Cina, India, termasuk juga pelajar Thai, secara tidak langsung bahasa Melayu menjadi bahasa kedua mereka. Dalam pembelajaran bahasa kedua, pelajar-pelajar yang tidak bertutur bahasa Melayu menghadapi masalah dari segi struktur bahasa Melayu yang diterjemahkan daripada bahasa ibunda. Pelajar-pelajar yang tidak bertutur bahasa Melayu sering melakukan pelbagai kesilapan dalam pertuturan dan penulisan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kurangnya pendedahan yang diterima oleh pelajar Thai yang kurang menggunakan bahasa kedua. Sejak lahir hingga berumur enam tahun, pelajar Thai berada dalam lingkungan dan persekitaran bahasa ibundanya, iaitu bahasa Thai. Hal ini menyulitkan keadaan mereka semasa hendak mempelajari Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini kerana, setiap sistem bahasa mempunyai ciri- ciri tertentu yang sama dan berbeza dengan sistem bahasa-bahasa yang lain. Persamaan dan perbezaan yang wujud dalam bahasa-bahasa ini dikaji dan dianalisis secara sistematik melalui kaedah analisis kontrastif. Persamaan dan perbezaan yang dianalisis tersebut digunakan untuk mengenal pasti masalah yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa yang disasarkan (Roshidah Hassan, 1997: 1).

Setiap individu yang mempelajari sesuatu bahasa asing tidak dapat lari daripada menghadapi kesusahan dan kesulitan dalam proses pembelajarannya. Para linguistik menyarankan agar punca kesulitan ini dilihat, dikaji dan dianalisis melalui kontrastif. Jamaliah Mohd. Ali (1990: 333) menyatakan bahawa analisis kontrastif ialah satu teknik menganalisis linguistik yang telah dikembangkan oleh ahli linguistik terkemuka Bloomfield (1914), dengan tujuan menganalisis bahasa secara terencana. Analisis ini seterusnya dikembangkan oleh Fries dan Lado dalam tahun 50-an. Menurut mereka, dalam proses pembelajaran bahasa kedua, pelajar banyak dipengaruhi atau diganggu oleh bahasa pertama atau bahasa ibundanya dan segala kesilapan dan kesalahan pelajar dapat dikesan pada bahasa pertama pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi tujuan ini, pengkaji ingin menjalankan kajian kata adjektif dengan menggunakan kaedah analisis kontrastif. Kajian yang akan dijalankan ialah kajian perbandingan antara Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Bahasa Thai : Satu Analisis Kontrastif. Pengkaji memilih aspek kata adjektif sebagai bahan kajian kerana aspek ini merupakan salah satu aspek penting dalam penggunaan sesuatu bahasa, lazimnya kata adjektif berfungsi sebagai penerang kepada sesuatu kata nama atau frasa nama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Bahasa yang Dikaji

Kajian akan melibatkan dua bahasa berbeza rumpun, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai. Dalam bahagian ini dijelaskan latar belakang kedua-dua bahasa.

1.2.1 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa daripada rumpun bangsa Austronesia yang mendiami Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu (Alias Mohd. Yatim, 1998: 1). Bahasa-bahasa yang menganggotai rumpun Austronesia terdiri daripada keluarga bahasa Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Bahasa yang tergolong dalam keluarga bahasa Indonesia merupakan kumpulan bahasa yang paling besar dalam rumpun Austronesia. Bahasa Melayu di Nusantara merupakan bahasa pengantar utama dan bahasa rasmi di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Melayu telah memainkan peranan yang penting sebagai bahasa perhubungan (*lingua franca*) di daerah kepulauan Melayu sejak zaman berzaman lagi. Kedatangan orang-orang barat ke rantau ini telah membawa perubahan kepada bahasa dan budaya Melayu. Bahasa-bahasa Eropah telah mengambil alih peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pentadbiran dan pendidikan. Bahasa Melayu tidak diberi peluang untuk maju. Selepas negara mencapai kemerdekaan, barulah bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Pada peringkat awalnya, selepas kemerdekaan, bahasa Melayu menghadapi pelbagai masalah seperti yang terkandung dalam petikan ucapan Tun Syad Nasir Ismail, Pengarah Dewan Bahasa Pustaka yang kedua, pada tahun 1968;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> " ... Pertamanya ialah masalah memodenkan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran, bahasa undang-undang negara kita di samping sebagai bahasa pengantar pusat-pusat pengajian tinggi; kedua ialah masalah menukarkan corak pemikiran orang ramai terhadap bahasa itu sendiri ".

(Nik Safiah Karim, 1992: 22)

Setelah bertahun-tahun menghadapi segala cabaran dan masalah, akhirnya bahasa Melayu telah berjaya mencapai kedudukan sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu di Malaysia.

1.2.2 Bahasa Thai

Bahasa Thai (*Bahasa Thai : ภาษาไทย, transkripsi : phasa thai ; IPA : /pʰaː saː tʰaj/*), ialah bahasa kebangsaan dan rasmi Thailand serta bahasa ibunda dari orang Thai, kumpulan etnik dominan Thailand. Bahasa Thai adalah bahasa pengantar kepada golongan Thai terpelajar di peringkat kerajaan dan bukan kerajaan (Sumalee Nimmanupap, 1994: 25).

Bahasa Thai digunakan dalam penerbitan akademik oleh para cendekiawan dan akademis Thai. Bahasa Thai juga dipakai dalam sesi-sesi dialog, upacara-upacara keagamaan dan kebudayaan, pengiklanan serta perbincangan-perbincangan akademik. Bahasa Thai bukan sahaja digunakan dalam pengajaran tatabahasa di peringkat sekolah dan universiti, malah bahasa itu juga digunakan di dalam penulisan puisi-puisi lama dan moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada kelompok bahasa Thai, kelompok ini terdiri daripada tiga subgolongan; iaitu golongan Selatan Barat Daya, golongan Utara dan golongan Tengah. Bahasa Tai tergolong dalam golongan Selatan Barat Daya yang juga merupakan satu jenis bahasa analitik atau bahasa isolating dalam kelompok bahasa tersebut (Fang Kuei Li 1970: 271, Chamniroksan 1983: 101). Sebelum ini, ahli-ahli bahasa menggolongkan bahasa Tai dalam kelompok Sino-Tibet. Apabila bahasa Tai diselidik secara teliti dalam bidang linguistik, terdapat perbandingan yang dibuat oleh ramai ahli bahasa, antara yang terkenal ialah Fang Kuei Li, yang berpendapat bahawa bahasa-bahasa kelompok Tai berlainan daripada kelompok Sino-Tibet. Persamaan yang dapat dilihat antara kedua-dua bahasa tersebut adalah pinjaman perkataan sahaja, bukan persamaan kerana mempunyai susur galur yang sama (Khanitthanan 1983: 108). Bahasa Thai dituturkan di kawasan yang luas, iaitu hampir di seluruh Semenanjung Asia Tenggara, dari bahagian-bahagian di selatan dan tenggara China dan Assam di India, hinggalah ke utara Semenanjung Malaysia. Bahasa ini telah digunakan sebagai bahasa kebangsaan Negara Thai sejak sebelum Kerajaan Sukhothai (dibentuk dalam tahun 1206) dan mempunyai abjadnya sendiri. Abjad Thai diwujudkan oleh Raja Ramkhamhaeng, Raja Sukhothai yang kedua dalam tahun 1283. Pada masa ini, bahasa Thai berfungsi seperti bahasa-bahasa moden lain di dunia ini (Sumalee Nimmanupap,1994: 25).

Phanthumetha (1976: 2) menyatakan bahawa ciri-ciri bahasa Thai, yang juga ciri umum pada bahasa kata tunggal ialah setiap kata mempunyai satu suku kata dan tidak mempunyai konsonan bergugus. Setiap kata dapat dituturkan terus-menerus kerana mempunyai erti yang lengkap dan boleh disusun dalam ayat tanpa fleksi atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

imbuhan pada mana-mana bahagian untuk menunjukkan fungsi antara perkataan dalam ayat tersebut. Malah, satu kata juga boleh mempunyai beberapa makna untuk digunakan bagi beberapa fungsi dengan melihat kedudukannya dalam ayat.

Oleh sebab bahasa Thai jati ialah bahasa kata tunggal, kebanyakannya terdiri daripada kata satu suku kata. Walau bagaimanapun, pada masa ini bahasa tersebut mempunyai perkataan yang lebih daripada satu suku kata atau beberapa suku kata. Hal ini disebabkan oleh proses pembentukan kata yang menghasilkan perkataan-perkataan baharu, perkataan pinjaman atau perubahan dalam bahasa itu sendiri (Anumanrajthon 1956: 36). Pandangan ini turut disokong oleh Phanthumetha (1976: 3) yang menerangkan bahawa perkataan dalam bahasa Thai mempunyai lebih banyak suku kata dan gugusan konsonan disebabkan oleh proses peminjaman daripada bahasa asing, perubahan kata secara penggandaan, penggandaan kata yang seerti dan pemajmukan. Namun, perkataan-perkataan tersebut hanya boleh digunakan mengikut konteks ayat yang bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Permasalahan Kajian

Bahasa Thai ditutur oleh penduduk yang berada di negara Thai dan penduduk yang berada di sebahagian utara Semenanjung Melayu serta turut diajar di beberapa universiti di Malaysia sebagai salah satu bahasa asing, misalnya Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Universiti Sains Malaysia (Wanphen Siriraksasak, 1998), sedangkan bahasa Melayu ditutur oleh penduduk yang berada di negara Malaysia (Singapura, Brunei, Indonesia) dan penduduk yang berada di sebahagian Selatan Thai dan juga diajar di beberapa universiti negara Thai sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

salah satu bahasa asing, misalnya Universiti Chulalongkon, Universiti Prince of Songkla, Universiti Ramkhamhaeng, Universiti Thaksin, Universiti Thammasart, Universiti Walailak, dan Universiti Islamik Yala (Asmah Haji Omar, 2008: 42). Walaupun sehingga kini jumlah pelajar Malaysia yang mengambil kursus dan mempelajari bahasa Thai serta pelajar berbangsa Thai yang mengambil kursus dan mempelajari bahasa Melayu masih kecil, tetapi dipercayai bahawa jumlah kedua-dua kumpulan tersebut akan bertambah pada masa akan datang.

Hal ini demikian kerana kita semua sedar kepentingannya dalam arus kemajuan pendidikan pada masa ini. Sering juga diperkatakan tahap pencapaian pelajar-pelajar di Thailand, terutamanya dalam kalangan mereka yang kekurangan bahan bagi mempelajari Bahasa Melayu adalah rendah. Keadaan ini sering dikaitkan dengan kegagalan pihak sekolah melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dan berilmu tinggi. Secara jelasnya kegagalan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat kegagalan guru dalam menyampaikan bahan pengajarannya (Siriporn Kalong, 2005: 21).

Selain itu, dalam kategori sekolah Agama Islam di Pattani yang meningkat ke tahap menengah atas lebih daripada 300 buah, sedang bergelut dengan pelbagai masalah, seperti kurangnya tenaga pengajar bahasa Melayu, terbatasnya buku agama dalam bahasa Melayu, dan berkurangnya minat pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu itu sendiri (Ahmad Darma, 2002: 343).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting untuk memantapkan pengajaran bahasa Melayu dalam usaha merangsang dan memotivasikan pelajar supaya meminati bahasa Melayu selain suka membaca sehingga mencapai tahap penguasaan kefahaman membaca (Hasnah Nataning, 2004: 7).

Pada masa yang sama, terdapat perubahan yang menyifatkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa yang sangat penting di beberapa universiti, sekolah menengah swasta, dan termasuk juga sekolah rendah kerajaan (Abdunraman Tohlong, 2005: 8). Oleh itu, pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah ini diwajibkan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Mereka mempelajari bahasa Melayu dengan tujuan memperolehi kecekapan komunikasi dan mendalami serta memahami buku-buku rujukan agama yang muktabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, kajian analisis kontrastif kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai tidak pernah wujud, baik di negara Thai mahupun di Malaysia. Sehubungan dengan itu, pengkaji membuat keputusan menjalankan kajian tersebut dengan alasan bahawa kajian ini akan dapat melihat persamaan dan perbezaan kata adjektif bahasa Melayu kerana mengikut Robert Lado (1957) dalam ***Linguistic Across Culture*** dan C.C Fries (1975) dalam ***Teaching and Learning of English as a Foreing Language***, analisis kontrastif dapat membantu pembelajaran bahasa kedua. Perbezaan dan persamaan yang wujud pada bahasa ibunda dan bahasa kedua secara tidak langsung akan dapat memudahkan atau menyusahkan pembelajaran bahasa kedua itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, adalah wajar satu kajian kontrastif mengenai kata adjektif dijalankan terhadap kedua-dua bahasa tersebut. Hal ini disebabkan setiap orang yang mempelajari bahasa asing tidak terlepas daripada menghadapi kesulitan dalam proses pembelajarannya. Seterusnya, bahan-bahan ini diolah supaya sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran di Thailand.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

(i) Mengenal pasti jenis-jenis dan susunan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

(ii) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan pembentukan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

(iii) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan fungsi kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui setiap persoalan berikut :

(i) Apakah jenis-jenis dan susunan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

(ii) Adakah persamaan dan perbezaan pembentukan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Adakah persamaan dan perbezaan fungsi kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

1.6 Kepentingan Kajian

Analisis kontrastif di antara bahasa Melayu dan bahasa Thai ini merupakan satu kuasa meramal dan mengesan kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar Thai dalam mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan bagi melihat persamaan dan perbezaan ciri-ciri tertentu dalam bahasa tersebut. Dapatan dalam kajian ini diharapkan dapat memahami serta turut sama berperanan dalam meningkatkan mutu serta pencapaian Bahasa Melayu pelajar sejajar dengan kehendak kemajuan dan perkembangan pendidikan Bahasa Melayu masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi garis panduan bagi guru, bapa atau penjaga serta semua pihak yang terlibat dalam menimbulkan kesedaran tentang pentingnya peranan dan penglibatan mereka dalam membantu menambah minat dan meningkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan analisis kontrastif kata adjektif antara dua bahasa daripada rumpun bahasa yang berlainan. Jenis bahasa yang dikaji ialah bahasa Melayu dan bahasa Thai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji akan membincangkan aspek penjenisan dan susunan kata adjektif yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Thai. Kajian ini juga akan memperlihatkan persamaan dan perbezaan dalam dua aspek utama; iaitu pembentukan kata adjektif yang merangkumi aspek pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan, serta aspek kedua berkaitan fungsi kata adjektif bagi kedua-dua bahasa Melayu dan Thai. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat membantu, menimbulkan minat dan meningkatkan pembelajaran bahasa kedua dalam pengajarannya.

1.8 Kesimpulan

Daripada keterangan di atas, jelas menunjukkan bahawa bab ini menghuraikan latar belakang bahasa yang dikaji, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian ini, perbincangan tentang penjenisan dan penyusunan kata adjektif yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Thai telah memperlihatkan persamaan dan perbezaan pembentukan dan fungsi kata adjektif antara kedua-dua bahasa tersebut.

Walau bagaimanapun, kajian ini akan dihuraikan secara objektif dan bukan hanya menjurus kepada bidang pendidikan sendiri, tetapi diharapkan bahawa selain daripada pengkaji sendiri, pelajar-pelajar Thai lain yang mempelajari bahasa Melayu, pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Thai, para penulis teks bahasa dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ahli akademik secara tidak langsung akan mendapati kajian ini dapat dijadikan sebagai satu rujukan dan dimanfaatkan dalam kajian masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kosa ilmu ini merupakan bahagian penting dan diperlukan untuk memberikan satu rujukan kepada pengkaji supaya dapat menjalankan kajian yang lebih lancar dan sempurna. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan agak sukar untuk mendapatkan kosa ilmu yang benar-benar sesuai dengan kajian, namun sedikit sebanyak kosa ilmu ini banyak memberi maklumat secara tidak langsung. Sumbangan ini telah dimanfaatkan oleh pengkaji yang mendapati tanpa kajian-kajian lepas amat mustahil kajian ini dapat dijayakan kerana melaluinya banyak saranan dan idea-idea yang dapat dikongsi bersama. Selain itu, kajian lepas dapat memberikan satu gambaran awal kepada pengkaji dalam menjalankan kajian seterusnya.

Bab ini akan meneliti kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini mengenai pandangan mereka terhadap kedudukan kata adjektif dan kelompok kata sifat dalam ayat-ayat bahasa Melayu dan Thai. Selain itu, bab ini juga akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghuraikan tentang analisis kontrastif yang dibincangkan oleh ahli-ahli linguistik, latar belakang analisis kontrastif dan kajian yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

Melalui rujukan yang dibuat dan pandangan-pandangan berkenaan dengan kajian analisis kontrastif yang berkaitan penulisan yang pernah dijalankan oleh pihak individu dan sarjana linguistik juga akan dibentangkan dan dibincangkan untuk diterapkan dalam kajian ini.

2.2 Kajian Literatur

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan dua aspek utama yang diteliti, iaitu kata adjektif dan analisis kontrastif. Dalam bahagian tersebut, pengkaji akan membincangkan kata adjektif kedua-dua bahasa yang dikaji, iaitu kata adjektif bahasa Melayu dan kata adjektif bahasa Thai dengan menggunakan analisis kontrastif.

2.2.1 Kata Adjektif Bahasa Melayu

2.2.1.1 Definisi Kata Adjektif Bahasa Melayu

Definisi kata adjektif dalam bahasa Melayu telah diberi pelbagai takrifan oleh ahli-ahli bahasa yang terkemuka. Takrifan yang dilakukan terhadap kata tersebut dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Definisi Kata Adjektif Bahasa Melayu

Bil	Pengkaji	Definisi
1.	Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2000)	Perkataan yang menerangkan atau menunjukkan sifat sesuatu nama atau perbuatan.
2.	Sulaiman Masri (2006)	Kata sifat ialah perkataan yang digunakan untuk menerangkan sifat sesuatu kata nama dan ganti nama
3.	Abdullah Hassan (2008)	Kata adjektif menunjukkan sifat kata nama, baik kata nama yang menunjukkan benda, orang, tempat dan idea.
4.	Asmah Haji Omar (2008)	Kata adjektif yang menerangkan kata nama.
5.	Nik Safiah Karim et. al. (2010)	Kata adjektif ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam frasa adjektif, dan boleh menjadi penerang kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Berdasarkan kepada jadual di atas, terdapat persamaan berkaitan dengan definisi kata adjektif yang telah diterangkan oleh ahli-ahli bahasa. Kesemua ahli bahasa ini telah bersetuju untuk menyatakan bahawa kata adjektif merupakan kata yang menerangkan kata nama. Ahli-ahli bahasa yang terlibat dalam kajian ini ialah Za'ba (2000), Sulaiman Masri (2006), Asmah Hj Omar (2008), Abdullah Hassan (2008), dan Nik Safiah Karim et. al. (2010). Contoh perkataan tersebut adalah seperti Rumah putih ini *besar*, Bukit itu terlalu *tinggi*.

Za'ba dan Nik Safiah Karim et. al. telah menyatakan pendapat yang sama dengan menyatakan bahawa kata adjektif juga merupakan kata yang menerangkan kata kerja atau perbuatan. Contohnya seperti datang *lambat*, terbang *tinggi*. Sungguh pun begitu, terdapat sedikit perbezaan dalam kajian yang dilakukan oleh Nik Safiah Karim et al. (2010 : 225), iaitu kata adjektif itu boleh menerangkan kata adjektif itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sendiri. Contohnya seperti pelajar yang *pandai* akan berjaya dalam hidupnya dan budak *baik* selalu dipuji.

Berlainan pula dengan Sulaiman Masri (2003: 14-15) dalam ***Tatabahasa Melayu Mesra Pengguna***, kata sifat juga merupakan kata yang menerangkan kata ganti nama. Contohnya: perempuan *cantik*, jalan *bengkok* dan adik *nakal*. Oleh yang demikian, kesemua pendapat tersebut secara ringkasnya menerangkan maksud kata adjektif yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

2.2.1.2 Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Melayu

Kata adjektif dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada beberapa jenis kata. Penjenisan kata ini telah dilakukan oleh beberapa pengkaji terkemuka dalam bidang bahasa tersebut seperti yang boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 2.2

Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Melayu

Bil	Pengkaji	Jumlah Penjenisan
1.	Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2000)	10
2.	Sulaiman Masri (2006)	8
3.	Abdullah Hassan (2008)	9
4.	Asmah Haji Omar (2008)	11
5.	Nik Safiah Karim et. al. (2010)	9

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada jadual tersebut, kesemua ahli bahasa yang telah melakukan kajian mengenai kata adjektif mendapati bahawa kata tersebut terdiri daripada beberapa jenis kata. Berdasarkan kepada bilangan penjenisan kata adjektif ini, Asmah Haji Omar merupakan pengkaji yang mempunyai dapatan tertinggi terhadap kajian yang dilakukannya mengenai jenis kata adjektif ini. Menurut Asmah Haji Omar (2008: 119), beliau menyatakan bahawa kata adjektif dapat dibahagikan kepada sebelas subsistem, iaitu tabii (*baik, buruk, jahat*), warna (*hitam, putih*), ukuran (7 bahagian, iaitu kepanjangan, kapasiti, berat-ringan, kelebaran, jarak fizikal, jarak waktu dan kepekatan), bentuk (*bulat, bundar, bujur*), indera/deria (rasa, pandangan, dengar, sentuh, bau), waktu (*segera, baru, lama, tua*), kecepatan (*lambat, perlahan, cepat*), kognisi (*pandai, cerdik, cerdas*), emosi (*seronok, riang, ria*), kuasa tenaga (*kuat, berani, cergas*) dan taraf (*mulia, masyhur, hina, terhormat*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Za'ba pula merupakan pengkaji kedua tertinggi yang memperoleh dapatan berkenaan dengan jenis kata adjektif, iaitu sebanyak sepuluh jenis. Beliau telah membahagikan jenis kata adjektif itu kepada dua, iaitu sifat nama dan sifat kata. Sifat nama dipecahkan pula kepada empat jenis, iaitu menerangkan banyak atau dikenali sebagai darjah/ kadar, penunjuk, pencerai (*tiap-tiap, masing-masing*), dan sifat jati. Menurut Za'ba, jenis kata adjektif banyak boleh dipecahkan kepada dua, iaitu bilangan (*satu, ramai, sekalian*) dan kadar atau sukatan (*sedikit, seluruh*). Begitu juga dengan jenis kata penunjuk, iaitu tentu (*ini, itu, begini*) dan umum (*lain, asing, mana*). Sifat jati merupakan jenis kata adjektif yang merangkumi jenis kata keadaan (*lemah, kuat*), warna (*hitam, putih*), ukuran (*tinggi, rendah*), waktu (*lambat, kesiangan*), jarak (*hampir, dekat*), dan pancaindera (*sedap, masam*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sifat kata pula terbahagi kepada enam jenis, iaitu sifat kata cara atau gaya (*begini, begitu, bagaimana*); sifat kata masa yang dipecahkan kepada tiga, iaitu bila (*sekarang, tadi, baru*), lama (*selama-lama, sehari-hari*) dan kali atau ulangan (*jarang-jarang, kadang-kadang*); sifat kata tempat atau dikenali sebagai jenis kata jarak, iaitu seperti *(jauh, hampir, dekat*;) sifat kata sebab atau tujuan (*mengapa, kenapa*); sifat kata darjah atau kadar(*hampir, lebih, kurang*); dan sifat kata penentu (*tentu, tidak, jangan*).

Merujuk kepada jadual di atas juga, kajian yang dilakukan oleh Abdullah Hassan (2008: 147) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010: 226) adalah sama dari segi hasil dapatan berkaitan dengan jenis kata adjektif ini. Dapatan yang diperoleh oleh kedua-dua ahli bahasa ini menunjukkan bahawa terdapat sembilan jenis makna kata adjektif, iaitu adjektif keadaan, adjektif warna, adjektif ukuran, adjektif bentuk, adjektif jarak, adjektif waktu, adjektif cara, adjektif perasaan dan adjektif pancaindera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, terdapat sedikit perbezaan dari aspek huraian bagi jenis makna kata itu, iaitu yang berkaitan dengan adjektif waktu, adjektif cara, adjektif perasaan dan adjektif pancaindera. Menurut Abdullah Hassan, adjektif waktu digunakan untuk menerangkan kata nama dan kata kerja contohnya seperti pengantin *baru* (menerangkan kata nama), berpisah *lama* (menerangkan kata kerja); manakala Nik Safiah Karim hanya menggunakan kata adjektif itu sebagai penerang kepada kata nama contohnya baju *baharu* dan jalan *lama*. Begitu juga dengan adjektif cara. Menurut Abdullah Hassan, adjektif cara digunakan untuk menerangkan kata nama dan kata kerja seperti contohnya, permainan *lincah* (menerangkan kata nama), bekerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermati-matian (menerangkan kata kerja); sedangkan Nik Safiah Karim et. al.. hanya menerangkan kata nama seperti sungai itu *deras* dan motosikal *laju*. Selain itu, menurut Abdullah Hassan, adjektif perasaan turut digunakan untuk menerangkan kata nama dan kata kerja seperti hati *rindu* (menerangkan kata nama), ketawa *riang* (menerangkan kata kerja); manakala Nik Safiah Karim menyatakan bahawa kata tersebut digunakan untuk menerangkan kata nama yang diikuti oleh kata sendi nama seperti ayat di bawah:

1. Dia amat *rindu* akan emaknya.
2. Gadis itu amat *segan* untuk bertanya.

Perbezaan yang dapat dilihat dalam kata adjektif pancaindera antara Abdullah Hassan dan Nik Safiah Karim adalah dari segi pecahannya. Menurut Abdullah Hassan, terdapat lima konsep yang perlu diperhatikan, iaitu deria rasa (makanan *lazat* dan buah *masam*), deria pandang (wajah *jelita* dan rupa *tampan*), deria dengar (suara *merdu* dan bunyi *bising*), deria bau (minyak *wangi* dan bunga *harum*) dan deria sentuh (pipi *licin* dan bahan *keras*). Nik Safiah pula membahagikan adjektif pancaindera ini kepada enam, iaitu deria rasa (*sedap* dan *pahit)*, deria pandang (*cantik* dan *buruk*), deria dengar (*bising* dan *mersik*), deria bau (*harum* dan *tengik*), deria sentuh (*halus* dan *kesat*) dan gabungan deria contohnya pada perkataan *bersih* (pandang + bau) dan selesa (sentuh dan pandang).

Selain daripada perbezaan lapan jenis makna kata yang diterangkan di atas, terdapat lima jenis makna kata yang mempunyai persamaan antara kedua-dua ahli bahasa tersebut di dalam kajian yang telah dilakukan. Jenis makna kata itu adalah kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adjektif sifatan atau keadaan (budak *baik* dan pelajar yang *pandai*), kata adjektif warna (baju *merah* dan kain *putih*), kata adjektif ukuran (bilik *kecil* dan jambatan *panjang*), kata adjektif bentuk (meja *bulat* dan tayar *kempis*), dan kata adjektif jarak (kawan *rapat* dan jiran *sebelah*).

Sungguhpun begitu, Sulaiman Masri memperoleh dapatan yang paling sedikit mengenai jenis kata adjektif ini, iaitu hanya sebanyak lapan jenis. Menurut Sulaiman Masri (2006: 14), jenis kata adjektif ini terdiri daripada jenis tabiat (*baik, cerdik* dan *nakal*), ukuran (*besar, panjan* dan *kurus*), bentuk (*bulat, lurus* dan *bujur*), dan pancaindera. Jenis pancaindera ini dipecahkan pula kepada lima subbahagian kecil, iaitu bau (*harum, wangi* dan *hanyir*), dengar (*bising, sunyi* dan *riuh*), pandang (*cantik, naka* dan *segak*), sentuh (*licin, kasar* dan *halus*), dan rasa (*manis, masam* dan *lazat*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, dapat diperhatikan bahawa kesemua ahli bahasa, iaitu Za'ba, Sulaiman Masri, Abdullah Hassan, Asmah Haji Omar, dan Nik Safiah Karim et. al. bersetuju dengan menyatakan bahawa jenis kata adjektif terdiri daripada jenis keadaan dan pancaindera mengikut penjelasan masing-masing.

2.2.1.3 Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu

Pada peringkat pembentukan kata adjektif, pembahagian pembentukan kata tersebut mengikut pandangan ahli-ahli bahasa dapat dilihat dalam jadual di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3
Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu

Bil	Pengkaji	Pembentukan Kata Adjektif								
		Tunggal/akar	Terbitan				Gandaan			Majmuk
			Awalan	Apitan	Sisipan	Akhiran	Penuh	Separa	Berentak	
1	Zainal Abidin Ahmad (2000	√	√	-	-	-	-	√	-	-
2	Sulaiman Masri (2006)	√	-	-	-	-	-	-	-	-
3	Abdullah Hassan (2008)	√	√	√	√	-	√	√	√	-
4	Asmah Haji Omar (2008)	√	√	-	-	√	-	-	-	-
5	Nik Safiah Karim et. al. (20	√	√	√	√	-	√	√	√	√

Berdasarkan kepada jadual tersebut, Za'ba (2000: 175) tidak membincangkan pembentukan kata adjektif dengan terperinci, tetapi beliau telah menerangkan tentang penggunaan bentuk sesuatu perkataan itu, sama ada menggunakan bentuk kata dasar, imbuhan mahupun penggandaan. Pembentukan kata adjektif ini selain daripada menggunakan kata dasar, boleh juga menerima kehadiran imbuhan awalan seperti awalan '*se-*', '*me-*', dan '*ter-*'. Contohnya seperti *semalam*, *menangis*, *terlampau*. Kata ini juga boleh terbentuk daripada proses penggandaan separa seperti *sebaik-baik*, *berulang-ulang*.

Menurut Sulaiman Masri (2006: 15-16) pula, kata adjektif hanya boleh terbentuk melalui penggunaan kata dasar. Sungguh pun begitu, kata dasar ini boleh menerima kata hubung *dan* dan *tetapi*. Contohnya adalah seperti ayat di bawah:

3. Cuaca hari ini sejuk, lembap *dan* berangin
4. Beg itu kecil *tetapi* berat

Merujuk kepada jadual di atas juga, Abdullah Hassan (2008) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010) telah memperoleh hasil kajian yang hampir sama berkaitan pembentukan kata ini. Menurut kedua-dua ahli bahasa ini, kata adjektif boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan, atau berlaku dalam bentuk kata akar, kata terbitan, dan kata gandaan. Kata terbitan boleh dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu dengan menggunakan imbuhan awalan (*termasyhur* dan *serantau*), imbuhan apitan (*seperjuangan* dan *menggemparkan*), dan imbuhan sisipan *-em- (gemilang)*, *-el- (selerak)*, *-er- (gerodak)*, dan *-in- (sinambung)*, manakala kata gandaan juga boleh dipecahkan kepada tiga, iaitu penggandaan penuh (*bijak-bijak* dan *hijau-hijau*), penggandaan separa (*setinggi-tinggi* dan *kekuning-kuningan*), dan penggandaan berentak (*gelap-gelita* dan *compang-camping*).

Namun, Abdullah Hassan (2008: 144-146) turut menambah bahawa kata adjektif ini juga boleh digunakan atau berlaku dalam bentuk frasa. Hal ini demikian kerana kebanyakan kata adjektif wujud secara berpasangan. Pasangan perkataan tersebut telah membentuk makna yang serupa atau hampir serupa. Oleh sebab bentuk kata adjektif ini berpasangan, maka kata tersebut adalah serupa dengan frasa atau dipanggil kata adjektif berangkap. Contoh kata adjektif berangkap adalah seperti berikut:

5. Gadis *lemah lembut*.
6. Perangai *tamak haloba*.

Pada asalnya, bentuk ini mempunyai kata hubung di antara kedua-dua perkataan itu (lemah *dan* lembut, tamak *lagi* haloba). Namun, lama-kelamaan kata hubung itu tidak lagi digunakan dan menyebabkan berlakunya kekeliruan antara konstruksi frasa rangkap kata dengan konstruksi ganda bebas. Ganda bebas pula tidak boleh diberi kata hubung di antara kedua-dua perkataan itu. Contohnya perkataan *simpang-perenang*. Perkataan itu tidak boleh menjadi simpang *dan* perenang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika melihat kepada kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar pula, beliau menjelaskan bahawa kata adjektif boleh terbentuk melalui kata terbitan awalan seperti *ter-* (*tercantik*), dan *se-* (*semiskin*). Di samping itu, pembentukan kata ini juga terhasil daripada penambahan-penambahan pinjaman daripada bahasa Sanskrit, Inggeris dan Arab yang membawa makna tersendiri. Penambah-penambah itu adalah *maha-* (*mahasiswa*), *pro-* (*prokerajaan*), *anti-* (*antiparti*), *-isme* (*komunisme*), *-is* (*geografis, sosiologis, historis*), *-wi* (*Romawi, sejarawi, kimiawi*), dan *-iah* (*ilmiah, akaliah*).

2.2.1.4 Fungsi Kata Adjektif Bahasa Melayu

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, kata adjektif boleh berfungsi sebagai penerang dan predikat. Kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang pula boleh menerangkan kata nama, kata kerja, kata ganti nama dan kata sifat. Selain itu, kata adjektif ini juga mempunyai fungsi-fungsi yang lain. Oleh itu, bagi membincangkan fungsi kata tersebut boleh dilihat di dalam jadual berikut:

Jadual 2.4

Fungsi Kata Adjektif Bahasa Melayu

Bil	Pengkaji	Fungsi Kata Adjektif		
		Predikat	penerang	Fungsi lain
1.	Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2000)	√	√	√
2.	Sulaiman Masri (2006)	√	√	√
3.	Abdullah Hassan (2008)	√	√	√
4.	Asmah Haji Omar (2008)	√	√	√
5.	Nik Safiah Karim et. al. (2010)	√	√	√

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada jadual di atas, selain daripada penggolongan kata adjektif, perbincangan tersebut turut melihat kepada fungsi kata adjektif. Secara keseluruhannya, semua ahli bahasa yang terlibat dalam kajian ini bersetuju bahawa kata adjektif ini berfungsi sebagai predikat dan penerang. Kata adjektif yang berfungsi sebagai predikat dapat dilihat seperti contoh di bawah:

7. Perempuan itu *cantik*
8. Guru itu *pandai*

Namun, terdapat persamaan dan perbezaan antara kesemua ahli bahasa ini mengenai fungsi kata adjektif sebagai penerang. Dari segi persamaan, kesemua ahli bahasa, iaitu Za'ba, Sulaiman Masri, Abdullah Hassan, Asmah Haji Omar dan Nik Safiah Karim et. al. telah bersetuju mengatakan bahawa kata adjektif berfungsi sebagai penerang kepada kata nama (Rumah *besar*, Bedak *harum* dan Minyak *tengik*). Selain itu, persamaan yang dapat dilihat adalah dari segi fungsinya sebagai penerang kepada kata kerja (Jalan *lambat*, Lari *laju* dan Tidur *lena*) dan kata sifat (Elok *benar*, *Terlalu* jahat dan *Sungguh* lama). Namun, fungsi ini tidak terdapat di dalam kajian Sulaiman Masri. Kajian yang dilakukan oleh Sulaiman Masri (2006: 14) mendapati bahawa kata adjektif ini berfungsi sebagai penerang kepada kata ganti nama. Fungsi sebagai penerang kepada kata ganti nama ini turut terdapat dalam kajian yang dilakukan oleh Za'ba. Contohnya adalah seperti Dia *pandai*, Budak *nakal* dan Pemuda *kacak*.

Kata adjektif juga mempunyai fungsi selain daripada sebagai predikat dan penerang. Kata adjektif boleh hadir bersama-sama kata bantu, kata penguat dan kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penegas. Berdasarkan kepada jadual di atas, kesemua ahli bahasa yang terlibat menyatakan bahawa kata adjektif mempunyai fungsi-fungsi lain dalam kajian yang dilakukannya. Kata adjektif yang boleh hadir bersama-sama kata penguat telah dinyatakan oleh semua ahli bahasa, kecuali Za'ba. Contoh kata adjektif yang boleh hadir bersama-sama kata penguat adalah *Amat baik, Sangat panda* dan *Sungguh merdu.* Za'ba menyatakan bahawa kata adjektif hanya boleh hadir bersama-sama dengan kata penegas, contohnya seperti Gelap *benar,* Rendah *juga* dan Tinggi *sekali*. Begitu juga dengan Nik Safiah Karim et. al. turut berpendapat sama seperti Za'ba. Namun, Nik Safiah Karim et. al. turut menambah fungsi kata adjektif di dalam kajiannya juga boleh hadir bersama-sama dengan kata bantu. Kata adjektif yang boleh hadir bersama-sama dengan kata bantu turut disokong oleh Abdullah Hassan. Contohnya adalah seperti *Sudah* besar, *Masih* muda dan *Sedang* makan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1.5 Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Melayu

Pada peringkat ini, kita akan melihat kata adjektif dalam bentuk perbandingan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Pendapat ahli-ahli bahasa tersebut seperti yang boleh dilihat dalam jadual di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.5
Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Melayu

Bil	Pengkaji	Bentuk Perbandingan Kata Adjektif													
		Biasa	Bandingan	Menyangat	Penghabisan/ melampau	Seperti	Ketiadaan	Kekurangan	Keagakan	Neutral/ kesamaan	Kelebihan	Kepalingan	Kesangatan	Kelampauan	Keagungan
1	Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2000)	√	√	√	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2	Sulaiman Masri (2006)	-	-	-	√	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-
3	Abdullah Hassan (2008)	√	√	-	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4	Asmah Haji Omar (2008)	-	√	-	-	-	√	√	√	√	√	√	√	√	√
5	Nik Safiah Karim et. al. (2010)	√	√	-	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual di atas, Za'ba (2000: 177) membahagikan perbandingan kata adjektif kepada empat jenis, iaitu pangkat biasa seperti (budak yang *pandai*, ia menulis *lambat*), pangkat berbanding yang dibahagikan kepada dua, iaitu berbanding sama seperti (*sebesar* gajah, *sepandai* mana) dan berbanding lebih atau kurang seperti (budak yang *lebih pandai*, ia terbang *lebih tinggi*), pangkat menyangat seperti (besar *betul*, besar *sungguh*) dan pangkat penghabisan iaitu pangkat yang sehabis tinggi. Pangkat penghabisan juga dibahagikan kepada tiga, iaitu dengan memakai '*se-* + *penggandaan*' seperti (*sepandai-pandai* tupai melompat, *setinggi-tinggi* bangau terbang), dengan memakai perkataan *'sehabis'* atau *'penghabisan'* seperti (sungai yang *besar sekali*, gunung yang *tinggi sekali*).

Sulaiman Masri (2006: 17) dalam kajiannya pula telah membincangkan bentuk perbandingan kata sifat kepada dua, iaitu pertama bentuk perbandingan melampau, iaitu kata sifat yang dapat diperlihatkan dengan penggunaan kata bantu *sangat, terlalu, paling* dan *amat*, pada kedudukan sebelum kata sifat seperti (*sangat* baik, *amat* tenang), kedua kata bantu *sangat* dan *amat* dapat digunakan sebelum dan selepas kata sifat seperti (pandai *sangat*, *sangat* pandai).

Kajian tentang perbandingan kata ini juga turut dilakukan oleh Abdullah Hassan (2008: 153-155) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010: 243). Menurut kedua-dua ahli bahasa ini, kata adjektif boleh hadir dalam bentuk perbandingan. Mereka membahagikan bentuk ini kepada tiga darjah, iaitu darjah biasa, darjah perbandingan dan darjah penghabisan. Ketiga-tiga ini dapat dirajahkan seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Melayu

Darjah biasa	**Darjah bandingan**	**Darjah penghabisan**
sederhana	sebesar	Sepandai-pandai tupai
terang	sepandai	Yang ternyata
baik	cantik	Paling kaya
kurus	sesedap	Pandai sekali
tinggi	setinggi	Yang teramat tinggi

Namun, menurut Abdullah Hassan (2008: 154) pada peringkat darjah perbandingan atau setara, darjah tersebut dipecahkan kepada dua, iaitu setara yang serupa seperti (bukit itu *setinggi* Bukit Cina, bola Amin *sebesar* bola Atan) dan setara yang berbeza seperti (Rohani lebih rajin *daripada* Rozi, Kerbau lebih kuat *daripada* lembu).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Asmah Haji Omar (2008: 115-118), beliau telah membahagikan perbandingan kata sifat itu kepada sembilan tingkat , iaitu keagungan seperti (Allah Yang *Maha* Pengasih), kelampauan seperti (*terlalu* mahal), kesangatan seperti *(sungguh* mahal), kelebihan seperti (rumah putih ini *lebih besar dari/daripada* rumah putih itu), kepalingan seperti (rumah putih ini *besar*), neutral-kesamaan seperti (harga keretanya *semahal* rumah saya), keagakan seperti (*agak* malas, *agak* malu), kekurangan seperti (*kurang* mahal, *kurang* pandai) dan ketiadaan seperti (*tidak* halus, *tidak* baik).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Kata Adjektif Bahasa Thai

Penggolongan kata adjektif */kom visit/* dalam bahasa Thai telah banyak dibincangkan oleh ahli-ahli bahasa. Antara ahli bahasa yang terlibat dalam perbincangan tersebut ialah pengkaji seperti Sakon Bunlaek (1995), Khamchai Tonglo (1997), Sawad Rengsi (1999), Nim Kanchanaciwat Perin (2002) dan Jongjit Nimman Norathib (2008).

2.2.2.1 Definisi Kata Adjektif Bahasa Thai

Terdapat pelbagai definisi yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji untuk menggambarkan maksud-maksud kata adjektif itu sendiri. Definisi yang digunakan adalah seperti dalam jadual berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.6

Definisi Kata Adjektif Bahasa Thai */Khuam mai kom visit/*

Bil	Pengkaji	Definisi
1.	Sakon Bunlaek (1995)	Menerangkan sesuatu ayat dengan lebih jelas.
2.	Khamchai Tonglo (1997)	Menerangkan kata nama, kata ganti nama, kata kerja, dan kata adjektif.
3.	Sawad Rengsi (1999)	Menerangkan sesuatu ayat dengan lebih jelas.
4.	Nim Kanchanaciwat Perin (2002)	Gabungan dua perkataan yang memberi maksud baharu.
5.	Jongjit Nimman Norathib (2008)	Menerangkan kata nama, kata ganti nama, kata kerja, dan kata adjektif.

Merujuk kepada jadual di atas, terdapat beberapa persamaan terhadap definisi yang digunakan untuk menyatakan maksud kata adjektif tersebut oleh pengkaji-pengkaji bahasa itu. Sakon Bunlaek (1995) dan Sawad Rengsi (1999) telah menyatakan bahawa kata adjektif merupakan kata yang digunakan untuk menerangkan sesuatu ayat dengan lebih jelas. Contohnya seperti perkataan *kurus*. Apabila *dia* + *kurus*, maka ayat ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih mudah untuk difahami yang membawa maksud sifat kurus itu ditujukan kepada orang tersebut.

Menurut Khamchai Tonglo (1997) dan Jongjit Nimman Norathib (2008) pula berpendapat bahawa kata adjektif itu merupakan kata yang digunakan untuk menerangkan kata nama, kata ganti nama, kata kerja dan kata adjektif. Contoh bagi penggunaan tersebut adalah seperti berikut:

9. Orang *gemuk*

   (kon *uwan*) (kata nama)

10. Dia *tinggi*

    (chan *sung*) (kata ganti nama)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

11. Lari *laju*

    (ving *riaw*) (kata kerja)

12. Sangat/amat/sungguh *cantik*

    (suai mak*)* (kata sifat)

Berbeza dengan pendapat Nim Kanchanaciwat Perin (2002) terhadap definisi kata adjektif itu sendiri yang menyatakan bahawa kata adjektif merupakan gabungan dua perkataan yang memberi makna baharu. Contohnya seperti perkataan *laju. Laju* merupakan kata sifat. Namun, apabila *kereta* + *laju*, maka perkataan yang asalnya tergolong di dalam kata sifat telah bertukar menjadi kata nama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2.2 Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Thai

Kata adjektif dalam bahasa Thai boleh dibahagikan kepada beberapa jenis kata. Penjenisan kata ini telah dilakukan oleh beberapa pengkaji terkemuka dalam bidang bahasa tersebut seperti yang boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 2.7

Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Thai */Chanid kom visit/*

Bil	Pengkaji	Jumlah Penjenisan Kata Adjektif
1.	Sakon Bunlaek (1995)	10
2.	Khamchai Tonglo (1997)	10
3.	Sawad Rengsi (1999)	10
4.	Nim Kanchanaciwat Perin (2002)	10
5.	Jongjit Nimman Norathib (2008)	9

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada jadual di atas, kata adjektif boleh digolongkan kepada sepuluh berdasarkan komponen makna. Jenis kata adjektif yang dimaksudkan ialah Laksana visit *(kata adjektif keadaan tentu)*, Kan la' visit *(kata adjektif waktu atau masa)*, Sa'tan visit *(kata adjektif tempat atau jarak)*, Pra' man na' visit *(kata adjektif bilanga)*, Niyum ma' vìsit *(kata adjektif tentu akan benda yang dinyatakan)*, Aniyum ma' visit *(kata adjektif tak tentu)*, Prit cha visit *(kata adjektif tanya atau ingin tahu)*, Prati cha visit *(kata adjektif penerimaan)*, Pati sij ta' visit *(kata adjektif nafi)* dan Pa' pan ta' vasit *(kata adjektif kata hubung)*. Hanya Jongjit Nimman Norathib (2008) tidak memasukkan kata hubung di dalam kajiannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Sakon Bunlaek (1995), kata adjektif tentu dalam golongan ayat di atas terbahagi pula kepada sembilan, iaitu kata adjektif **sifatan** ***(Chanid)*** seperti baik (*di)*, jahat *(chure);* **bentuk** ***(Sa'tan)*** seperti bulat *(kelum),* leper *(baen);* **ukuran** ***(Lak sa na)*** seperti tinggi (*sung*), rendah (*teai);* **warna** ***(Si)*** seperti hijau *(kiau),* putih (*khau*); **dengar** ***(Siang)*** seperti bising (*dang)*, merdu *(pra);* **bau** ***(Klin)*** seperti harum (*hoam),* busuk *(men);* **rasa** ***(Rod)*** seperti masam *(priau)*, manis *(wan);* **sentuh** ***(Sampad***) seperti panas *(ron)*, sejuk *(yen);* dan **cara** ***(Akan)*** seperti laju *(duan)*, lambat (*cha).* Pandangan ini turut disokong oleh Sawad Rengsi (1999) dan Nim Kanchanaciwat Perin (2002).

Berbeza dengan pengkaji-pengkaji yang lain, Khamchai Tonglo (1997) dan Nim Kanchanaciwat Perin (2002) telah membahagikan pula kata bilangan kepada beberapa bahagian. Menurut Khamchai Tonglo, kata bilangan terbahagi kepada dua, iaitu bilangan tidak tentu contohnya seperti banyak, sedikit dan muat (banyak); dan bilangan jumlah tentu contohnya seperti satu, dua dan tiga. Manakala menurut Nim Kanchanaciwat Perin, kata bilangan dapat dibahagikan kepada empat, iaitu :

a. Bilangan tidak tentu. Contoh: banyak, sedikit, muat (banyak), semua, beberapa dan para.
b. Bilangan tentu. Contoh: semua, kesemua, seluruh dan segala.
c. Bilangan pisahan. Contoh: sedikit, macam, bermacam-macam, tiap-tiap, setiap dan masing-masing.
d. Bilangan jumlah tentu. Contoh: satu, dua, tiga, empat, lima, pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima, sepuluh, seratus, seribu dan sejuta. Kata adjektif bilangan juga boleh ditulis dalam bentuk angka atau tulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2.3 Fungsi Kata Adjektif Kata Adjektif Bahasa Thai

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, kata adjektif boleh dibahagikan kepada dua fungsi yang utama, iaitu sebagai predikat dan penerang kepada kata nama, kata ganti nama, kata kerja, dan kata sifat. Ringkasan fungsi kata ini boleh dilihat di dalam jadual berikut:

Jadual 2.8

Fungsi Kata Adjektif Bahasa Thai */Nati kom visit/*

Bil	Pengkaji	Fungsi Kata Adjektif		
		Predikat	penerang	Fungsi lain
1.	Sakon Bunlaek (1995)	√	√	√
2.	Khamchai Tonglo (1997)	√	√	-
3.	Sawad Rengsi (1999)	√	√	-
4.	Nim Kanchanaciwat Perin (2002)	√	√	-
5.	Jongjit Nimman Norathib (2008)	√	√	-

Berdasarkan kepada jadual di atas, selain daripada penggolongan kata adjektif, perbincangan tersebut turut melihat kepada fungsi kata adjektif. Fungsi kata tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sebagai predikat dalam ayat dan penerang kepada kata nama (*kom nam*), kata ganti nama (*kom sap panam*), kata kerja (*kom kri' ya*) dan kata sifat (*kom visit*). Contohnya:

13. Mani *chalad*

    (Mani pandai) (kata nama)

14. Khau *tiya*

    (dia pendek) (kata ganti nama)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15. Kru pud *su'pap*

    (cikgu bercakap sopan) (kata kerja)

16. Riw *mak*

    (sangat laju) (kata sifat)

Merujuk kepada ayat-ayat di atas, perkataan-perkataan yang condong ialah frasa adjektif yang berfungsi sebagai predikat dalam ayat-ayat yang berkenaan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, fungsi kata adjektif tersebut boleh juga menerangkan kata kerja tak transitif dan kata tugas apabila kata nama dibelakang kata adjektif. Kajian ini telah dijalankan oleh Sakon Bunlaek (1995 : 66), contohnya:

17. Nong *sung* kua pi

    (Adik lebih tinggi dari kakak) (kata kerja tak transitif)

18. Ban yu *klai* wat

    (Rumah berhampiran gereja) (kata tugas apabila kata nama dibelakang kata adjektif).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun harus juga diberi perhatian terhadap penggunaan kata adjektif dalam bahasa Thai itu sendiri. Dalam bahasa Thai kata adjektif biasanya digunakan selepas atau di belakang kata keterangan kecuali jika ingin menguatkan kata adjektif atau peribahasa, kata adjektif tersebut boleh diletakkan di hadapan kata keterangan. Contohnya:

19. Noy khon ti cha' kau cai

    (hanya jauhari yang mengenal manikam)

20. Tang cit tang cai

    (Rambut sama hitam hati lain-lain)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2.4 Darjah Perbandingan Kata Adjektif Kata Adjektif Bahasa Thai

Dalam bahasa Thai, darjah perbandingan kata adjektif tidak dibahagikan mengikut darjah yang tertentu. Darjah perbandingannya terdiri daripada darjah biasa sahaja. Kata adjektif Thai juga tidak mempunyai darjah setara tetapi hanya mempunyai darjah penghabisan. Oleh demikian, darjah penghabisannya hanya mempunyai perkataan yang menggunakan perkataan *paling* dan *sekali*. Perkataan yang memerlukan imbuhan gandaan dan majmukan tidak wujud dalam bahasa Thai. Darjah ini dapat dilihat dalam ayat-ayat yang dibina.

Contohnya:

21. *Paling* cantik

    (suai *mak*)

22. Gemuk *sekali*

    (uwan *mak*)

23. *Banyak* gemuk

    (*mak* uwan)

Perkataan *mak* membawa maksud paling dan sekali. Hal ini berbeza jika kita bandingkan dengan Tatabahasa Melayu. Paling perlu diletakkan di hadapan kata cantik manakala sekali perlu diletakkan di hadapan kata gemuk. Kedudukan kedua-dua perkataan ini tidak boleh ditukargantikan. Bagi perkataan *mak* pula tidak boleh diletakkan di hadapan kata ajektif kerana membawa makna yang berlainan, iaitu "*mak uwan*" menjadi *"banyak gemuk"* dan bukan bermakna *"gemuk sekali"*. Selain itu, perubahan tempat *mak* ini menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak gramatis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan lain yang boleh menggantikan *mak* ialah *kua* dan *negha*, iaitu bermaksud paling dan sangat. Namun penggunaannya perlu mengikut konteks ayat.

Contohnya:

24. Nong sung *kua* pi sau

    (adik *lebih tinggi* daripada kakak)

25. Ban kau *negha kua* ban chan

    (rumah dia *lebih besar* daripada rumah saya)

2.3 Teori Analisis Kontrastif

Kajian yang melibatkan kajian perbandingan struktur antara dua bahasa yang berbeza rumpunnya sesuai dijalankan mengikut kaedah analisis kontrastif. Pendekatan analisis kontrastif penting dalam kajian pengajaran bahasa asing kerana pendekatan ini dijangka dapat meramalkan kesulitan dalam pengajaran bahasa tersebut. Ramalan dibuat dengan melihat elemen-elemen yang menjadi masalah kepada para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa sasaran dan elemen-elemen yang senang diterima oleh mereka. Andaian asas kajian analisis kontrastif ini ialah pelajar-pelajar bahasa asing dapat menerima dengan mudah elemen-elemen yang sama atau hampir sama di antara bahasa asing dan bahasa ibundanya. Sebaliknya, elemen-elemen yang berbeza antara kedua-dua bahasa tersebut akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kontrastif merupakan satu cabang linguistik terapan yang meneliti persamaan dan perbezaan ciri-ciri linguistik di antara dua atau lebih daripada dua bahasa. Ciri-ciri linguistik tersebut meneliti ciri-ciri fonologi, morfologi, dan sintaksis.

Asmah Hj. Omar (2004: 34) menyatakan bahawa analisis kontrastif boleh dimasukkan ke dalam analisis sistem dan struktur. Hal ini demikian kerana dalam analisis seperti ini perkara yang dibandingkan adalah mengenai sistem dan struktur bahasa yang berbeza di antara satu sama lain untuk mencari ciri-ciri perbezaan bahasa tersebut, misalnya perbezaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dengan bahasa Itali, dan bahasa Melayu dengan bahasa Perancis.

Begitu juga dengan Media Sandra Kasih 2003; dan Soh Bee Kwee 2001, berpendapat bahawa analisis kontrastif bermaksud kaedah untuk membuat perbandingan antara dua bahasa dengan tujuan mencari perbezaan dan persamaan antara bahasa yang dibandingkan (Zamri Mahamod, 2007: 52).

Jacek Fisiak (1981: 1) pula mendefinisikan analisis kontrastif sebagai satu subdisiplin linguistik yang berkenaan dengan dua atau lebih bahasa untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara bahasa-bahasa tersebut. Beliau menyatakan bahawa;

> *"Contrastif linguistics may be roughly defined as a subdiscipline of linguistics concerned with the comparison of two or more languages or sub-systems of language in order to determine both the differences and similarities between them."*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahli linguistik Carl Tames (1980: 3) turut menyifatkan analisis kontrastif sebagai satu linguistik yang bertujuan untuk menjalankan kegiatan kontrastif antara dua jenis bahasa dengan andaian bahawa bahasa boleh dibandingkan. Definisi analisis kontrastif yang diberi oleh beliau adalah seperti berikut:

> *"Contrastive Analysis is a linguistics enterprise aimed at producing inverted (i.e. constrastive, not comparative) twovalued typologies (a CA is always concerned with a pair of language), and founded on the assumption that language can be compared."*

(C. James, 1980: 3)

Dalam Kamus Linguistik, analisis kontrastif didefinisikan sebagai satu kaedah analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih. Analisis ini bertujuan mencari penyelesaian untuk masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan. Definisi analisis kontrastif yang terdapat dalam ***Kamus Linguistik*** adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Kaedah sinkronik analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih, dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan."

(Noresah Baharom, 1997: 11)

Oleh itu, analisis kontrastif merupakan satu perbandingan ciri-ciri linguistik antara dua atau lebih bahasa, yang bertujuan memberi maklumat kepada guru-guru dan penyunting buku teks dalam perancangan sukatan pelajaran, penyediaan bahan-bahan pengajaran dan perancangan teknik-teknik pengajaran di dalam bilik darjah.

Menyorot kembali sejarah bahasa, linguistik kontrastif telah berakar umbi sejak tahun 40-an lagi. Menurut Jacek Fisiak (1981: 3), walaupun istilah linguistik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kontrastif pertama kali wujud dalam artikel whorf. *'Language and Logic'* (1941), namun linguistik kontrastif boleh disusul kembali pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Penerbitan kajian pada peringkat pertama bukan sahaja menumpukan perhatian kepada aspek teori, (Grandgent, 1892; Victor, 1894; Passy, 1912; J. Baudoin de Courtenay 1912; Bogorodickij, 1915) malah, aspek terapan juga tidak diabaikan. Kajian kontrastif yang berorientasikan teori ini telah diteraskan oleh V. Mathesius dan pengikutnya yang berasal daripada aliran Linguistik Prague.

Robert Lado pula dalam bukunya ***Linguistics Across Cultures*** telah menghuraikan prinsip-prinsip serta cara-cara metodologi yang harus digunakan dalam analisis kontrastif secara sistematik. Beliau membuat andaian bahawa perbandingan secara sistematik antara bahasa dan kebudayaan yang akan dipelajari oleh pelajar dengan bahasa ibunda dan kebudayaan pelajar itu sendiri akan menimbulkan kesukaran dalam pembelajaran.

Menurut Lado;

> *"The plan of the book rests an the assumption that we can predict and describe the patterns that will couse difficulty in learning and those that will not cause difficulty, by comparing systematiclly the language and culture to be learned with the native language and culture of the student. In our view, the preparation of up-to-date pedaogical and experimental materials must be based on this kind of comparision."*

(Lado, 1957: vii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lado juga mengatakan bahawa;

> *"The teacher who has made a comparison of the foreign language with the native language of the students will know better what the real learning problems are and can better provide for teaching them. He gains an insight into the linguistic problems involved that cannot easily be a chieved otherwise."*

(Lado, 1957: 2)

Oleh yang demikian, guru yang melakukan perbandingan antara bahasa asing dengan bahasa ibunda pelajar akan lebih mengetahui dan memahami masalah pembelajaran yang dihadapi oleh seseorang pelajar itu. Hal ini secara tidak langsung akan dapat membantu guru memberi pengajaran yang lebih berkesan kepada pelajar.

2.4 Tinjauan Kajian Berkaitan

Kajian analisis kontrastif di antara bahasa Melayu dan bahasa kedua yang lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Peranchis, bahasa Sepanyol dan bahasa-bahasa yang lain bukanlah satu bidang kajian yang baharu. Terdapat ramai para sarjana telah menjalankan kajian dalam bidang ini, antaranya ialah Choi Kim Yok (1986), di dalam kajian Tesis Ph.D. yang berjudul *"Essai de recherche en analyse contrastive et en analyse d'erreurs: Les systemes morphologiques du francais et du malais"*. Dalam kajiannya beliau telah menghuraikan aspek-aspek di dalam bidang morfologi bahasa Melayu seperti pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Seterusnya beliau membandingkannya dengan sistem morfologi bahasa Perancis. Perbezaan yang terdapat dalam bidang morfologi antara kedua-dua bahasa tersebut telah menyukarkan pelajar-pelajar Melayu untuk memahami dan mempelajari bahasa kedua tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Krishnasamy, N. Hariharan (1993), *"A contrastive Analysis of Malay and Tamil Nouns"*, tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa, Universiti Malaya. Tesis yang mengandungi lapan bab ini membandingkan sistem kata nama dalam bahasa Melayu dan bahasa Tamil. Huraian dibuat terhadap kata nama bahasa Melayu dan bahasa Tamil, kemudian dibandingkan kedua-duanya. Hasil perbandingan tersebut telah digunakan dalam proses pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar India dan didapati bahawa perbezaan yang timbul antara bahasa Tamil dan bahasa Melayu merupakan masalah utama yang akan dihadapi oleh pelajar-pelajar India. Sebaliknya, persamaan antara kedua-dua bahasa tersebut memberi peluang kepada pelajar-pelajar India untuk memahami setiap unsur-unsur yang disampaikan dengan mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian Ph.D yang dilakukan oleh Alicio (1996), *"Contrastive analysis and Erros Analysis: the verbal system of Malay and Spanish"* telah menghuraikan perbandingan sistem verbal bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol. Menurut dapatan kajian beliau, perbezaan yang ketara antara bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol menyukarkan pelajar-pelajar Melayu mempelajari bahasa Sepanyol.

Begitu juga dengan Soh Bee Kwee (1996), dalam disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden bertajuk "Frasa Nama Bahasa dan Bahasa Mandarin: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan". Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara di dalam penggunaan penjodoh bilangan di antara bahasa Melayu dan bahasa Mandarin yang menyebabkan kecacatan penggunaannya dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar Melayu. Hal ini menjejaskan keberkesanan pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu.

Kajian dalam bidang bahasa ini juga turut dilakukan oleh Haded Mohd. Said Salem (1997) yang berkaitan dengan kajian perbandingan antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab telah dijalankan di peringkat Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Beliau telah menjalankan kajian kontrastif yang membandingkan sistem verbal bahasa Arab dan bahasa Inggeris di dalam tesis kedoktoran yang bertajuk *"Contrastive Analysis and Erros Analysis the verbal System of Arabic and English"* . Dalam kajiannya, beliau mendapati perbezaan yang ketara di antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab telah menyebabkan kesukaran yang nyata timbul dalam kalangan pelajar Arab dalam mempelajari bahasa Inggeris dan beliau mencadangkan metod komunikasi yang telah dimajukan semenjak tahun 1980-an digunapakai secara meluas untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan orang Arab.

Roshidah Hassan (1997) dalam disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa, Universiti Malaya, bertajuk "Analisis Kontrastif Kata Ganti Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Peranchis". Beliau telah menghuraikan tentang perbandingan kata ganti nama antara dua bahasa dari sudut morfologi dan juga sosiolingustik. Menurut beliau persamaan struktur antara kedua bahasa diramalkan tidak menimbulkan kesukaran dalam proses pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Melayu. Namun begitu, perbezaan yang ketara di antara penggunaan kata ganti nama khusus untuk maskulin dan feminine serta kata ganti nama diri ketiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tunggal dan jamak diramalkan menimbulkan kesukaran dan menjadi masalah yang ketara dalam kalangan pelajar Melayu.

Walau bagaimanapun, terdapat para sarjana lain yang turut menjalankan kajian dalam bidang bahasa ini. Antaranya ialah Ismail Ibrahim (1990), dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, menjalankan kajian bertajuk "Dirasat Taqabuliyyat baina al-Lughatain al-Arabiyyat wa al-Maliziyyat Ala Mustawa al-Tarkib al-Nahwiy". Berdasarkan kajian tersebut, beliau telah membincangkan perbandingan di antara bentuk-bentuk ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Desertasi sarjana oleh Muhammad Nasir (1991), dari Universiti Bahasa Arab Antarabangsa Khartoum, Sudan, bertajuk "Dirasat Taqabuliyyat baina al-Lughat al-Arabiyyat wa al-Maliziyyat Ala Mustawa al-Jumlat al-Istifhamiyyat". Beliau telah mengkaji pembentukan ayat-ayat tanya antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Beliau telah memperjelaskan ciri-ciri utama ayat tanya kedua-dua bahasa dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan pembentukan ayat tanya antara kedua-dua bahasanya.

Kajian tesis Ph.D yang turut dijalankan oleh Muhammad Zain bin Mahmud (1994), dari Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur, Universiti Iskandariah, Mesir; dalam kajiannya yang bertajuk *"Al-Nizam al-Nahwiy Fia al-Lughat al-Arabiyyat wa al-Maliziyyat"*, telah membincangkan penjenisan ayat-ayat yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu serta memperlihatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persamaan dan perbezaan yang wujud dalam pembentukan ayat-ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu itu sendiri.

Menurut Siti Aishah Ashaari (2004), dari Universiti Malaya yang menjalankan kajian bertajuk "Kata adjektif Bahasa Melayu-Arab: Satu Analisis Kontrastif " telah menghuraikan dan membandingkan jenis-jenis serta bentuk-bentuk kata adjektif di dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab.

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian kepustakaan yang telah dijalankan mengenai kata adjektif dan analisis kontrastif yang pernah dilakukan dalam bahasa Melayu, khususnya, didapati bahawa penulisan tentang kata adjektif yang bersifat kajian adalah amat sedikit pada tahun 1970-an dan 1980-an. Walau bagaimanapun, kajian terhadap kontrastif mula menyerlah selepas tahun 1980-an berikutan latihan ilmiah yang diusahakan oleh pelajar universiti berkenaan. Tidak dapat dinafikan bahawa pengkaji tempatan dan luar negara banyak membincangkan kata adjektif yang menyentuh aspek definisi, penggolongan atau penjenisan, pemaknaan (pembentukan) dan fungsi. Kajian yang dijalankan juga berbeza antara satu sama lain. Selain itu, kajian bahasa berkaitan dengan morfologi amnya, dan kata adjektif khususnya, hanya menyentuh peringkat permukaan. Kajian-kajian lepas berhubung dengan kata adjektif seperti yang telah disentuh dan dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini juga merupakan perintis kepada kajian yang akan dijalankan selanjutnya. Walaupun panduan yang diberikan dalam kosa ilmu ini tidak memadai, namun panduan ini amat berguna bagi kelancaran pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab yang terdahulu, pengkaji telah menjelaskan tinjauan terhadap kajian analisis kontrastif dan kajian yang berkaitan dengannya. Berdasarkan tajuk yang dipilih, kajian ini hanya tertumpu kepada penyelidikan perpustakaan. Kajian ini juga dilakukan untuk mengumpulkan maklumat berkenaan analisis kontrastif kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai. Bagi mendapatkan maklumat dan data-data yang akan digunakan, beberapa tahap perlu dilalui, iaitu:

3.2 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah penting bagi menyediakan maklumat kepada pengkaji. Rujukan yang meluas diperlukan bagi membolehkan kajian terperinci dapat dijalankan dan segala aspek berkaitan dengan bidang ini dapat diperjelaskan dengan lebih baik. Kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpulkan maklumat berkenaan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai. Bahan dan rujukan tambahan turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan, umpamanya buku-buku sumber bahasa Melayu dan bahasa Thai disertai tesis yang berkaitan dengan tajuk projek ini. Bahan dan rujukan tambahan yang digunakan kebanyakannya diperoleh melalui perpustakaan Universiti Malaya dan beberapa perpustakaan lain seperti:

i. Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris

ii. Perpustakaan John F. Kennedy, Institut South East Asia, Universiti Prince of Songkla Cawangan Pattani.

iii. Perpustakaan Yala Rajabhat University.

iv. Perpustakaan International Islamic University Malaysia.

Data-data mengenai kata adjektif akan dipetik dari buku-buku sumber bahasa Melayu dan bahasa Thai yang muktabar. Data-data yang dikumpul akan dianalisis dan dibandingkan menggunakan model struktural untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan antara kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

3.3 Alat Kajian

Dalam proses melaksanakan kajian ini, pengkaji menghuraikan penjenisan dan penyusunan kata adjektif yang terdapat dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Thai sebagai bahan rujukan utama. Namun, bagi memperlihatkan persamaan dan perbezaan pembentukan dan fungsi kata adjektif kedua-dua bahasa tersebut hanya dilakukan dengan meramal dan mengesan kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar Thai dalam mempelajari bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Prosedur Penganalisisan Data

Berdasarkan dokumen yang telah dihuraikan antara kata adjektif bahasa Melayu dan Thai, pengkaji akan membandingkan aspek penjenisan dan penyusunan, serta pembentukan dan fungsi kata adjektif kedua-dua bahasa Melayu dan Thai yang akan membantu pelajar Thai dalam mempelajari bahasa Melayu.

3.5 Analisis Kontrastif

Asmah Hj. Omar (2004: 34) menyatakan analisis kontrastif boleh dimasukkan ke dalam analisis sistem dan struktur. Hal ini demikian kerana dalam analisis seperti ini, perbandingan yang dilakukan adalah terhadap sistem dan struktur bahasa yang berbeza antara satu sama lain untuk mencari ciri-ciri perbezaan; misalnya perbezaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dengan bahasa Itali, dan sebagainya.

Kajian yang melibatkan perbandingan struktur antara dua bahasa yang berbeza rumpunnya sesuai dijalankan mengikut kaedah analisis kontrastif. Pendekatan analisis kontrastif ini penting dalam kajian pengajaran bahasa asing kerana dijangka dapat meramalkan kesulitan dalam pengajaran bahasa tersebut. Ramalan dibuat dengan melihat elemen-elemen yang menjadi masalah kepada para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa sasaran dan elemen-elemen yang senang diterima oleh mereka. Andaian terhadap asas kajian analisis kontrastif ini adalah pelajar-pelajar bahasa asing dapat menerima dengan mudah elemen-elemen yang sama atau hampir sama di antara bahasa asing dengan bahasa ibundanya. Sebaliknya, elemen-elemen yang berbeza

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara kedua-dua bahasa hanya akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran mereka.

Berdasarkan kepada analisis kontrastif ini, dapat disimpulkan bahawa analisis tersebut terbahagi kepada dua jenis , iaitu analisis kontrastif teoretikal dan analisis kontrastif gunaan (*applied contrastive analysis*). Analisis kontrastif teoretikal ialah kajian yang menghuraikan perbezaan dan persamaan antara bahasa-bahasa yang dikaji secara teori. Analisis ini menyediakan model yang mencukupi dalam perbandingan untuk menentukan elemen-elemen yang boleh dibandingkan. Analisis kontrastif gunaan pula ialah kajian yang melibatkan perbandingan bahasa-bahasa untuk digunakan dalam pengajaran bahasa berdasarkan hasil kajian secara teoretikal (Roshidah Hassan, 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kontrastif telah diperkembangkan oleh ahli-ahli linguistik seperti Fries (1945), Weinreich (1953), Lado (1957) dan Politzer (1965). Lado (1957: 2) yang berpendapat bahawa :

> *"...individuals tend to transfer the forms and meanings and the distribution of their native language and culture to a foreign language and culture."*

Ahli-ahli linguistik yang menganjurkan analisis kontrastif ini rata-rata sependapat bahawa gangguan daripada bahasa ibunda menjadi penyebab utama timbulnya kesilapan dan kesulitan dalam pembelajaran bahasa asing oleh seseorang pelajar. Hal ini juga ditegaskan oleh Wilkins (1972: 197);

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"The errors and difficulties that occur in our learning and use of a foreign language are caused by the interference of our mother tongue. Wherever the structure of the mother tongue differs from that of the target language, we can expect both difficulty in learning and error in performance. Where the structures of language are the same, no difficulty is anticipated and teaching is not necessary. By and large, the bigger the differences between the language, the greater the difficulties will be".*

Pelajar-pelajar bahasa asing sering menggunakan pengetahuan struktur bahasa ibundanya apabila tidak dapat menyatakan dalam bahasa sasaran. Oleh itu, pembelajaran bahasa asing sangat dipengaruhi oleh struktur bahasa ibunda. Dalam kebanyakan kes, senang atau susahnya pembelajaran bahasa asing berhubung rapat dengan persamaan dan perbezaan antara struktur-sturktur bahasa yang terlibat (Roshidah Hassan, 1997: 15).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membandingkan tentang kata adjektif yang digunakan oleh kedua-dua bahasa tersebut. Berdasarkan huraian data berkenaan yang telah diterangkan dalam bab ketiga, terdapat dua aspek utama, iaitu persamaan dan perbezaan dalam kata adjektif kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Thai, iaitu berkaitan dengan definisi, penjenisan, pembentukan, darjah perbandingan dan fungsi.

4.2 Perbandingan Definisi Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai

Definisi kata adjektif dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai telah diberi pelbagai takrif oleh ahli-ahli bahasa yang terkemuka. Analisis dapatan tersebut menunjukkan terdapat persamaan definisi yang diberikan oleh pengkaji-pengkaji bahasa tersebut, iaitu Za'ba (2000), Sulaiman Masri (2006), Abdullah Hassan (2008), Asmah Haji Omar (2008) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010), iaitu kata adjektif ialah perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menerangkan kata nama, kata kerja, kata ganti nama, dan kata adjektif walaupun cara penerangannya berbeza-beza. Contohnya:

26. Rumah *besar* (kata nama)
27. Dia *cantik* (kata ganti nama)
28. Tidur *lena* (kata kerja)
29. Elok *benar* (kata adjektif)

Namun, sedikit perbezaan yang terdapat di dalam kajian yang dilakukan oleh Nik Safiah Karim et. al. (2010) mengenai definisi kata adjektif, iaitu kata adjektif juga menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu atau penguat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya:

30. Ali *sangat* **pandai**.
31. Malam ini **gelap** *benar.*
32. Hujan pagi ini *amat* **lebat** *sekali*.

Dalam contoh-contoh ayat tadi, perkataan-perkataan yang condong dan bergaris ialah frasa adjektif yang berfungsi sebagai predikat dalam ayat yang berkenaan. Perkataan yang berhuruf tebal pula ialah bentuk kata adjektif yang menjadi sebahagian daripada frasa adjektif tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persamaan mengenai definisi kata adjektif ini dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh ahli bahasa Thai, iaitu Sakon Bunlaek (1995), Khamchai Tonglo (1997), Sawad Rengsi (1999), Nim Kanchanaciwat Perin (2002) dan Jongjit Nimman Norathib (2008). Mereka telah mendefinisikan kata adjektif sebagai perkataan yang menerangkan kata nama, kata ganti nama, kata kerja dan kata adjektif.

Contohnya:

33. Orang *gemuk*

    (kon *uwan*) (kata nama)

34. Dia *tinggi*

    (chan *sung*) (kata ganti nama)

35. Lari *laju*

    (ving *riaw*) (kata kerja)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

36. Sangat/amat/sungguh *cantik*

    (suai mak*)* (kata sifat)

Walaupun terdapat persamaan definisi yang diberikan, terdapat dua orang pengkaji bahasa Thai, iaitu Sakon Bunlaek (1995) dan Sawad Rengsi (1999) yang telah memberikan definisi yang berbeza. Mereka telah menyatakan bahawa kata adjektif merupakan kata yang menerangkan sesuatu ayat dengan lebih jelas. Kedua-dua pengkaji bahasa Thai ini tidak menerangkan aspek sistem bahasa yang tepat untuk menerangkan kata adjektif seperti pengkaji-pengkaji yang lain. Walaupun begitu, definisi tersebut tetap sama kerana kata adjektif sememangnya berfungsi sebagai penerang kepada kata nama dan perbuatannya, contohnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

37. Rumah *besar*

38. Bedak *harum*

39. Minyak *tengik*

Perkataan *besar*, *harum* dan *tengik* berfungsi untuk menerangkan sesuatu kata dengan lebih jelas dan berdasarkan kepada contoh di atas juga, gabungan dua perkataan di atas boleh memberi maksud baharu. Definisi ini samalah dengan definisi yang diberikan oleh Nim Kanchanaciwat Perin (2002), iaitu gabungan antara dua perkataan akan memberi maksud baharu bagi sesuatu perkataan tersebut.

Secara ringkasnya dapatlah dinyatakan bahawa kata adjektif dalam kedua-dua bahasa ini merupakan perkataan yang menerangkan kata nama, kata kerja dan kata adjektif itu sendiri. Oleh itu, dalam definisi kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai sememangnya terdapat persamaan dan perbezaan antara kedua-dua perkataan tersebut seperti yang telah diterangkan di atas.

4.3 Perbandingan Penjenisan Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai

Walaupun golongan kata adjektif tidak mempunyai subgolongan yang ketara, namun berdasarkan kriteria makna, kata adjektif dalam bahasa Melayu dan Thai boleh dibahagikan kepada beberapa jenis kata. Penjenisan kata ini telah dilakukan oleh beberapa pengkaji yang terkemuka dalam bidang bahasa. Penjenisan kata adjektif warna telah diterangkan oleh kesemua pengkaji bahasa Melayu dan Thai. Contoh keterangan kata adjektif warna bahasa Melayu seperti (*hitam, putih* dan *kuning*), dan bahasa Thai seperti (*merah (deng), biru (fa)* dan *ungu* (***muang***)). Namun begitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendeta Za'ba (2000) meletakkan penjenisan kata adjektif yang menerangkan warna di dalam sifat jati, manakala Sulaiman Masri menerangkan kata sifat warna di dalam kata sifat kualiti, contohnya (baju berlengan panjang *hijau* dan *biru*).

Persamaan berkaitan dengan penjenisan kata adjektif sifatan atau keadaan telah diterangkan oleh kesemua pengkaji bahasa, namun Sulaiman Masri (2006) tidak mengelompokkannya sebagai penjenisan kata adjektif keadaan tetapi menerangkan kata sifat keadaan itu di dalam kata sifat jenis kata tabii sama seperti yang terdapat dalam buku ***Tatabahasa Dewan,*** contohnya *gopoh, cerdik, berani* dan *takut*, manakala Asmah Haji Omar (2008) menerangkan kata keadaan di dalam tabii, kognisi dan kuasa tenaga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbeza dengan pengkaji bahasa Thai, iaitu Sakon Bunlaek (1995), kata adjektif keadaan pula terbahagi kepada sembilan, iaitu kata adjektif **sifatan** ***(Chanid)*** seperti baik (*di)*, jahat *(chure);* **bentuk** **(*Sa'tan)*** seperti bulat *(kelum),* leper *(baen);* **ukuran** ***(Lak sa na)*** seperti tinggi (*sung*), rendah (*teai);* **warna** **(*Si)*** seperti hijau *(kiau),* putih (*khau*); **dengar** ***(Siang)*** seperti bising (*dang)*, merdu *(pra);* **bau** ***(Klin)*** seperti harum (*hoam),* busuk *(men);* **rasa** ***(Rod)*** seperti masam *(priau)*, manis *(wan);* **sentuh** ***(Sampad***) seperti panas *(ron)*, sejuk *(yen);* dan **cara** ***(Akan)*** seperti laju *(duan)*, lambat (*cha).*

Selain itu, persamaan mengenai penjenisan kata adjektif ini dapat dilihat di bawah jenis ukuran. Penjenisan ini terdapat dalam kajian yang dilakukan oleh Sulaiman Masri (2006), Abdullah Hassan (2008), Asmah Haji Omar (2008) dan Nik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Safiah Karim et. al. (2010) seperti *panjang, pendek,* dan *nipis.* Dalam bahasa Thai penjenisan kata adjektif ukuran dimasukkan di bawah jenis kata adjektif keadaan oleh pengkaji bahasa tersebut seperti *panjang (yau), pendek (san),* dan *nipis (bang*).

Ahli bahasa Melayu juga turut menyatakan kata adjektif bentuk sebagai salah satu jenis kata adjektif. Pandangan ini adalah menurut Sulaiman Masri (2006), Abdullah Hassan (2008), Asmah Haji Omar (2008) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010). Contoh perkataannya adalah *bulat, bujur,* dan *lurus*, manakala penjenisan kata adjektif bentuk dalam bahasa Thai dimasukkan di bawah penjenisan kata adjektif keadaan seperti yang digolongkan oleh pengkaji bahasa Thai, iaitu Sakon Bunlaek (1995), Khamchai Tonglo (1997), Sawad Rengsi (1999), Nim Kanchanaciwat Perin (2002) dan Jongjit Nimman Norathib (2008). Perkataan yang menunjukkan makna bentuk ini adalah *bulat (klom), bujur (ri),* dan *lurus (rab).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan penjenisan kata adjektif jarak atau tempat pula telah diterangkan oleh pengkaji bahasa Melayu dan Thai, iaitu Sakon Bunlaek (1995), Khamchai Tonglo (1997), Sawad Rengsi (1999), Nim Kanchanaciwat Perin (2002), Abdullah Hassan (2008), Jongjit Nimman Norathib (2008) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010). Contohnya seperti *jauh (klai), rapat (tid)* dan *lama (nan).* Hal ini menunjukkan bahawa Asmah Haji Omar (2008) sahaja yang tidak menggolongkan penjenisan kata adjektif tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua pengkaji bahasa Melayu dan Thai, iaitu Sakon Bunlaek (1995), Khamchai Tonglo (1997), Sawad Rengsi (1999), Za'ba (2000), Nim Kanchanaciwat Perin (2002), Abdullah Hassan (2008), Jongjit Nimman Norathib (2008) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010) sependapat untuk menggolongkan penjenisan kata adjektif waktu atau masa di bawah penjenisan kata adjektif seperti *dahulu (kon), malam (kam)* dan *pagi (chau).*

Berdasarkan penjenisan kata adjektif perasaan seperti *rindu*, *benci* dan *gembira,* tiga pengkaji bahasa Melayu sahaja yang menggolongkannya, iaitu Abdullah Hassan (2008), Asmah Haji Omar (2008) dan Nik Safiah Karim et. al. (2010). Namun, Asmah Haji Omar menggunakan istilah yang berlainan, iaitu kata adjektif emosi, manakala dalam bahasa Thai tidak diterangkan penjenisan kata adjektif tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua pengkaji bahasa telah meletakkan penjenisan kata adjektif pancaindera sebagai salah satu penjenisan kata adjektif seperti *sedap (rasa), bising (dengar), cantik (pandang), harum (bau)* dan *kasar (sentuh).* Namun begitu, Sulaiman Masri (2006) membahagikan penjenisan kata adjektif dengar, pandang, bau dan rasa bukan di dalam kelompok kata adjektif pancaindera. Beliau meletakkannya secara berasingan mengikut jenis kata sifat. Menurut pendeta Za'ba (2000) pula jenis kata adjektif pancaindera diletakkan dalam kelompok sifat jati. Perbezaan yang wujud dengan penjenisan kata adjektif bahasa Thai adalah dengan menggolongkan penjenisan kata adjektif pancaindera dalam penjenisan kata adjektif keadaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persamaan seterusnya ialah kesemua pengkaji bahasa Melayu selain daripada Sulaiman Masri, bersetuju menyatakan bahawa kata adjektif cara sebagai salah satu jenis kata adjektif, manakala Asmah Haji Omar pula mengistilahkannya sebagai kata adjektif kecepatan. Contoh kata adjektif cara adalah seperti *cepat, laju* dan *perlahan*. Sungguh pun begitu, kata adjektif cara menurut bahasa Thai diletakkan di bawah kata adjektif keadaan seperti *cepat* ***(reu)***, *laju* ***(duan)*** dan *perlahan* ***(cha)***.

Dari segi penjenisan kata adjektif sebab atau tujuan pula, pendeta Za'ba telah memberi contoh ayat seperti *(kenapa dia menang?, mengapakah engkau lambat?),* manakala dalam bahasa Thai jenis kata ini digolongkan dalam penjenisan kata adjektif tak tentu atau am *(A'niyum ma' visit)* dan tanya atau ingin tahu *(Prit cha visit).*

Contohnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

40. Siapa suka *siapapun* boleh.

    (khun nai chab khun nai ko dai) (kata adjektif tak tentu)

41. Subjek *mana* yang paling suka sekali?

    (*vit cha nai ti yak kua*) (kata adjektif tanya)

Berdasarkan kepada ayat di atas, perkataan *(siapa* dan *mana)* boleh digunakan untuk kedua-dua jenis kata, iaitu kata adjektif tak tentu dan kata adjektif tanya atau ingin tahu.

Persamaan seterusnya adalah berkaitan dengan kata adjektif darjah atau kadar yang telah dinyatakan oleh pengkaji bahasa Melayu dan bahasa Thai, iaitu pendeta Za'ba (2000) yang membahagikan kata adjektif darjah atau kadar ini kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penjenisan seperti (*hampir* kena, dan *lebih* susah), pencerai seperti (*tiap-tiap,*dan *masing-masing*) dan banyak seperti (*satu, dua, tiga, banyak, sedikit* dan *separuh*), akan tetapi dalam bahasa Thai kata darjah atau kadar ini merupakan penjenisan kata adjektif bilangan seperti *satu (neng), semua (tang mot), banyak (mak),* dan *segala (tang lai).* Walau bagaimanapun, berbeza dalam bahasa Melayu, kata adjektif bilangan tergolong di bawah kata nama dan bukan tergolong dalam jenis kata darjah atau kadar.

Dalam bahasa Melayu, Za'ba (2000: 172) menerangkan penjenisan sifat kata penentu seperti (yakah dia sakit atau *tidak,* dan dia *bukan* sakit), manakala dalam bahasa Thai, penjenisan ini merupakan kata adjektif nafi seperti *mai, bo,* dan *mi' dai* yang membawa maksud "tidak" atau "buka". Secara kesuluruhannya, penjenisan sifat kata penentu dalam bahasa Melayu "tidak" dan "bukan" tidak dianggap sebagai kata adjektif, akan tetapi diaggap sebagai kata nafi yang tergolong di bawah kata tugas. Hal ini wujud berbeza dengan pengkaji-pengkaji bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Selain itu, perbezaan yang boleh dilihat adalah melalui penjenisan kata adjektif penunjuk seperti (*ini,* dan *itu*) juga bukan kata adjektif dalam bahasa Melayu, manakala dalam bahasa Thai istilah yang digunakan ialah penjenisan kata adjektif tunjuk seperti *ini (ni)* dan *itu (non).*

Perbezaan yang paling ketara di dalam kajian yang dilakukan mengenai penjenisan kata adjektif ini adalah mengenai dua jenis kata adjektif, iaitu iktisad atau ekonomi dan taraf. Menurut Asmah Hj Omar, beliau berpendapat dua jenis kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adjektif ini merupakan antara jenis kata adjektif yang terdapat dalam bahasa Melayu. Namun demikian, kedua-dua jenis kata adjektif ini tidak terdapat dalam mana-mana kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa yang lain. Contohnya perkataan seperti *miskin, papa, kaya (iktisad/ekonomi)* dan *mulia, masyhur, hina (taraf).*

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dalam penjenisan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai. Perbezaan yang ketara adalah dalam bahasa Thai penjenisan yang dimaksudkan ialah Pati sij ta' visit *(kata adjektif nafi)*, dan Pa' pan ta' vasit *(kata adjektif kata hubung)*, manakala dalam penjenisan kata adjektif bahasa Melayu, iaitu ekonomi, iktisad, kuasa tenaga, dan taraf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Perbandingan Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai

Pada peringkat pembentukan kata adjektif, ahli-ahli bahasa Melayu membahagikan pembentukan kata tersebut kepada kata tunggal atau akar, terbitan, gandaan dan majmuk. Pembentukan kata terbitan terdiri daripada awalan, apitan, sisipan dan akhiran, manakala pembentukan kata gandaan pula terdiri daripada penuh, separa dan berentak.

Secara keseluruhannya, ahli-ahli bahasa Melayu dan bahasa Thai sepakat menyatakan bahawa kata adjektif boleh hadir dalam bentuk perbandingan. Persamaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai ialah wujud pembentukan kata adjektif daripada kata tunggal atau akar. Contohnya:

42. Baju *kuning*

    (sera *lerang)*

43. Besi *buruk*

    (lek *kau*)

44. Buku *hijau*

    (nang se *si kiau*)

Perkataan (*kuning, buruk* dan *hijau*) dalam frasa di atas merupakan kata adjektif tunggal. Walau bagaimanapun, disebabkan dalam bahasa Thai tidak wujud kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk, maka perbezaannya dengan bahasa Melayu tidak dapat dibandingkan.

Phanthumetha (1976: 2) menyatakan bahawa ciri-ciri bahasa Thai, yang juga ciri umum pada bahasa kata tunggal ialah setiap kata mempunyai satu suku kata dan tidak mempunyai konsonan bergugus. Setiap kata dapat dituturkan terus-menerus kerana mempunyai erti yang lengkap dan boleh disusun dalam ayat tanpa fleksi atau imbuhan pada mana-mana bahagian untuk menunjukkan fungsi antara perkataan dalam ayat tersebut. Malah satu kata juga boleh mempunyai beberapa makna untuk digunakan bagi beberapa fungsi dengan melihat kedudukannya dalam ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab bahasa Thai jati ialah bahasa kata tunggal, kebanyakannya terdiri daripada kata satu suku kata. Walau bagaimanapun, pada masa ini bahasa tersebut mempunyai perkataan yang lebih daripada satu suku kata atau kata beberapa suku kata. Hal ini disebabkan oleh proses pembentukan kata yang menghasilkan perkataan-perkataan baharu, perkataan pinjaman atau perubahan dalam bahasa itu sendiri (Anumanrajthon 1956: 36).

4.5 Perbandingan Fungsi Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, kata adjektif boleh berfungsi sebagai predikat ayat dan penerang kepada kata nama, ganti nama, kata kerja dan kata sifat. Contohnya:

45. Rumah *besar* (kata nama)
46. Dia *rendah* (kata ganti nama)
47. Tidur *lena* (kata kerja)
48. Elok *benar* (kata sifat)

Perkataan *besar, rendah, lena* dan *benar* menyatakan kata adjektif yang berfungsi sebagai subjek, penerang kepada kata nama, kata ganti nama, kata kerja dan kata sifat.

Kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai mempunyai fungsi yang sama iaitu, sebagai penerang kepada kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Za'ba (2000), Sulaiman Masri (2006) dan para pengkaji Thai, iaitu Sakon Bunlaek (1995), Khamchai Tonglo (1997), Sawad Rengsi (1999), Nim Kanchanaciwat Perin (2002)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Jongjit Nimman Norathib (2008) menyatakan bahawa kata adjektif juga boleh berfungsi sebagai kata ganti nama.

Contohnya:

49. Khau *tiya*

(dia *pendek*) (kata ganti nama)

Semua pengkaji bahasa Melayu turut berpendapat bahawa kata adjektif bahasa Melayu berfungsi sebagai unsur keterangan bagi kata bantu, kata penguat dan kata penegas. Begitu juga dengan pengkaji bahasa Thai, iaitu Sakon Bunlaek yang menyatakan bahawa kata adjektif berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja tak transitif dan kata tugas apabila kata nama berada di belakang kata adjektif.

Contohnya:

50. Nong *sung* kua pi

(Adik lebih tinggi *dari kakak)* (kata kerja tak transitif)

51. Ban yu *klai* wat

(Rumah berhampiran gereja) (kata tugas apabila kata nama di belakang kata adjektif).

Berdasarkan kepada huraian dan contoh yang telah diberikan di atas, dapat dirumuskan bahawa kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai berfungsi sebagai penerang dan predikat dalam sesuatu ayat. Namun, perbezaan yang wujud dalam fungsi kata adjektif bagi kedua-dua jenis bahasa ini adalah berkaitan dengan fungsi kata adjektif tersebut sebagai penerang kepada kata kerja tak transitif dan kata tugas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bahasa Thai, manakala dalam bahasa Melayu kata adjektif berfungsi sebagai penerang kepada kata bantu, kata penguat dan kata penegas.

4.6 Perbandingan Darjah Perbandingan Kata Adjektif Bahasa Melayu dengan Bahasa Thai

Ahli bahasa Melayu dan bahasa Thai sepakat menyatakan bahawa kata adjektif boleh hadir dalam bentuk perbandingan. Mereka membahagikan bentuk ini kepada tiga darjah, iaitu darjah biasa seperti hidup keluarga itu *sederhana*, dan tubuh budak itu *kurus*.

Darjah kedua ialah darjah perbandingan seperti rumah Ali *sebesar* rumah Ahmad, rumah Ali *lebih besar* daripada rumah Ahmad. Darjah perbandingan merupakan salah satu persamaan yang boleh dilihat antara kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai. Darjah ini juga digunakan dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Thai. Contoh ayat yang menggunakan darjah perbandingan dalam bahasa Thai adalah seperti berikut :

52. Nong sung *kua* pi sau

    (Adik *lebih tinggi* daripada kakak)

53. Ban kau *negha kua* ban chan

    (Rumah dia *lebih besar* daripada rumah saya)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persamaan lain yang boleh dilihat antara kedua-dua bahasa ini adalah dari segi darjah yang ketiga, iaitu darjah penghabisan seperti *sepandai-pandai, paling* tinggi, kecil *sekali* dan *teramat* cantik. Kata adjektif Thai tidak mempunyai darjah setara tetapi ada darjah penghabisan. Darjah kata adjektifnya dapat dilihat dalam ayat-ayat yang dibina. Oleh itu, darjah penghabisannya hanya mempunyai perkataan yang menggunakan perkataan *paling* dan *sekali.*

Contohnya :

54. *Paling* cantik

    (suai *mak*)

55. Gemuk *sekali*

    (uwan *mak*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

56. *Banyak* gemuk

    (*mak* uwan)

Perkataan *mak* membawa maksud paling dan sekali. Hal ini berbeza jika kita bandingkan dengan tatabahasa Melayu. *Paling* perlu diletakkan di hadapan kata cantik manakala *sekali* perlu diletakkan di hadapan kata gemuk. Kedudukan kedua-dua perkataan ini tidak boleh ditukargantikan. Bagi perkataan *mak* pula tidak boleh diletakkan di hadapan kata ajektif kerana membawa makna yang berlainan, iaitu "*mak uwan*" menjadi "banyak gemuk" dan bukan bermakna "gemuk sekali". Selain itu, perubahan tempat *mak* ini menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak gramatis. Perkataan lain yang boleh menggantikan *mak* ialah *kua* dan *negha*, iaitu bermaksud paling dan sangat. Namun penggunaannya perlu mengikut konteks ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbeza dengan Sulaiman Masri pula, beliau membahagikan bentuk kata adjektif kepada dua, iaitu bentuk perbandingan melampau, iaitu kata sifat yang dapat diperlihatkan dengan penggunaan kata bantu *sangat, terlalu, paling* dan *amat* seperti seperti (*sangat* baik dan *amat* tenang) dan kedua kata bantu *sangat* dan *amat* dapat digunakan sebelum dan selepas kata sifat seperti (pandai *sangat* dan *sangat* pandai), manakala pendeta Za'ba (2000) membahagikan kepada empat jenis, iaitu pangkat biasa seperti (budak yang *pandai* dan ia menulis *lambat*), pangkat berbanding sama seperti (*sebesar* gajah dan *sepandai* mana) dan berbanding lebih atau kurang seperti (budak yang *lebih pandai* dan ia terbang lebih *tinggi*), pangkat menyangat seperti (besar *betul* dan besar *sungguh*), dan pangkat penghabisan juga dibahagikan kepada tiga, iaitu dengan memakai '*se-* + *penggandaan*' seperti (*sepandai-pandai* tupai melompat dan *setinggi-tinggi* bangau terbang), dengan memakai perkataan 'sehabis' atau 'penghabisan' seperti (sungai yang *besar sekali* dan gunung yang *tinggi sekali*), namun perbezaan ini tidak begitu ketara.

Walau bagaimanapun, perbezaan yang paling ketara dalam kajian mengenai darjah perbandingan kata adjektif ini adalah melalui kajian Asmah Haji Omar (2008). Beliau membahagikan perbandingan kata sifat itu kepada sembilan tingkat, iaitu keagungan, kelampauan, kesangatan, kepalingan, kelebihan, neutral-kesamaan, keagakan, kekurangan dan ketiadaan. Hal ini menunjukkan bahawa dapatan yang diperolehinya sangat berbeza dengan pengkaji-pengkaji lain.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa dalam membandingkan darjah perbandingan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai ini, persamaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbezaan yang wujud tidak begitu ketara antara pengkaji bahasa Melayu dan bahasa Thai. Namun, perbezaan yang begitu ketara adalah dengan melihat kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar yang telah membahagikan darjah perbandingan kepada sembilan tingkat berbanding pengkaji-pengkaji lain yang hanya meletakkan tiga darjah dalam perbandingan.

4.6 Kesimpulan

Berdasarkan kepada keterangan di atas, jelas menunjukkan bahawa aspek penggolongan kata adjektif bukanlah suatu kajian yang baharu. Malahan, aspek ini telah dikaji sejak zaman-berzaman lagi oleh ahli-ahli bahasa sama ada barat mahupun tempatan. Menerusi buku-buku tatabahasa yang dihasilkan, didapati aspek ini telah wujud sejak abad ke-19 lagi. Pada masa yang sama, kata adjektif bahasa Thai merupakan aspek yang telah lama dikaji oleh ahli-ahli bahasa Thai juga. Sejak inilah, aspek tersebut terus dibincangkan terutamanya bagi menentukan definisi, penjenisan, pembentukan dan fungsi tersebut.

Hasil dapatan yang dibandingkan adalah tentang kata adjektif kedua-dua bahasa tersebut yang mempunyai empat aspek, iaitu aspek definisi, penjenisan, pembentukan dan fungsi. Hal ini dapat menjadi panduan dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Seterusnya, bahan-bahan ini juga diolah supaya sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran di Thailand.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan penelitian golongan kata adjektif berdasarkan analisis kontrastif dapat membantu pembelajaran bahasa kedua. Perbezaan dan persamaan yang wujud pada bahasa ibunda dan bahasa kedua secara tidak langsung akan dapat memudahkan atau menyukarkan pembelajaran bahasa kedua itu sendiri. Hal ini disebabkan, kata adjektif bahasa Melayu didapati lebih jelas atau terperinci berbanding dengan kata adjektif bahasa Thai. Penggolongan kata adjektif bahasa Thai hanya digunakan dalam beberapa kelompok sahaja (Khanitthanan 1983: 108).

Dapatan mengenai perbandingan kata adjektif bahasa Melayu dengan bahasa Thai turut menimbulkan kesedaran betapa pentingnya peranan dan penglibatan pihak-pihak tertentu dalam usaha untuk meningkatkan minat para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini pengkaji telah merumuskan dapatan kajian yang telah dianalisis daripada kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai. Rumusan ini berdasarkan dua aspek, iaitu kesimpulan dan cadangan. Bahagian kesimpulan meliputi dapatan kajian yang dibincangkan secara ringkas untuk memberi gambaran keseluruhan mengenai dapatan kajian yang dijalankan. Selanjutnya pengkaji mengemukakan cadangan-cadangan lanjut mengenai tajuk yang dibincangkan untuk kegunaan pengkaji pada masa akan datang.

5.2 Kesimpulan Dapatan Kajian

Kepentingan bahasa dalam arus kemajuan pendidikan pada masa ini sememangnya tidak dapat dinafikan. Sering juga diperkatakan tahap pencapaian pelajar-pelajar di Thailand, terutamanya dalam kalangan mereka yang kekurangan bahan bagi mempelajari Bahasa Melayu adalah rendah. Keadaan ini sering dikaitkan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kegagalan pihak sekolah dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dan berilmu tinggi.

Oleh itu, kajian analisis kontrastif di antara bahasa Melayu dan bahasa Thai merupakan satu kuasa meramal dan mengesan kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar Thai dalam mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini membolehkan pelajar Thai memahami serta turut sama berperanan dalam meningkatkan mutu serta pencapaian Bahasa Melayu pelajar sejajar dengan kehendak kemajuan dan perkembangan pendidikan Bahasa Melayu masa kini.

Walau bagaimanapun, pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar Thai ini memerlukan satu metodologi pengajaran yang berkesan bagi membantu pelajar mahir menggunakan bahasa Melayu dengan cepat. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha perlu diambil bagi memperbaiki metodologi ini kerana pengkaji merasakan masih terdapat kekurangan yang perlu dipenuhi agar pengajaran bahasa Melayu boleh dipermudahkan dan disukai oleh pelajar.

Berdasarkan perbincangan dalam bab keempat, pengkaji membincangkan dua aspek, iaitu kata adjektif bagi kedua-dua bahasa yang dikaji, iaitu kata adjektif dalam bahasa Melayu dan kata adjektif dalam bahasa Thai dengan menggunakan analisis kontrastif. Antara aspek yang dibandingkan itu adalah aspek definisi, penjenisan, pembentukan dan fungsinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dapatlah dirumuskan bahawa wujud persamaan dan juga perbezaan antara kata adjektif dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai. Kedua-dua bahasa tersebut mempunyai persamaan dari segi definisi kata adjektif oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Kata adjektif daripada kedua-dua bahasa tersebut menyatakan bahawa kata adjektif merupakan kata yang menerangkan kata nama, kata ganti nama, kata kerja dan kata sifat.

Namun begitu, wujud perbezaan yang ketara antara penjenisan kata adjektif kedua-dua bahasa tersebut. Perbezaan penjenisan dalam bahasa Thai yang dimaksudkan ialah Pati sij ta' visit *(kata adjektif nafi)*, dan Pa' pan ta' vasit *(kata adjektif kata hubung)*. Berbeza dengan penjenisan kata adjektif bahasa Melayu, iaitu ekonomi atau iktisad, kuasa tenaga, dan taraf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbezaan yang paling ketara antara pembentukan kata adjektif kedua-dua bahasa adalah dengan menggunakan bentuk kata imbuhan mahupun penggandaan. Pembentukan kata adjektif bahasa Melayu ini selain daripada menggunakan kata dasar, boleh juga menerima kehadiran imbuhan awalan, apitan, sisipan dan akhiran. Hal ini berbeza dengan bentuk kata adjektif bahasa Thai, kerana kata adjektif dalam bahasa Thai tidak ada pengimbuhan dan penggandaannya.

Seterusnya dari segi fungsi pula, kedua-dua bahasa telah menjelaskan bahawa kata adjektif boleh berfungsi sebagai predikat ayat dan sebagai penerang kepada kata nama, kata ganti nama, kata kerja dan kata sifat. Seperti yang dinyatakan sebelum ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fungsi kata adjektif bahasa Thai tersebut boleh juga menerangkan kata kerja tak transitif dan kata tugas.

Merujuk kepada kajian ini juga dapat dijelaskan bahawa kata adjektif kedua-dua bahasa mempunyai perbezaan dan persamaan dalam penjenisan, mahupun pembentukan dan fungsinya. Kajian ini dilakukan dengan mengumpulkan kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai kerana banyak aspek lain yang perlu dikaji dalam tatabahasa Melayu di Negara Thai. Oleh itu, Bahasa Melayu dan Bahasa Thai mempunyai hubungan dengan nilai moral orang Melayu di negara Thai.

5.3 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan yang dapat dimanfaatkan oleh beberapa pihak yang terlibat dalam kesedaran mengenai kepentingan peranan dan penglibatan mereka dapat dinyatakan.

Dapatan kajian ini memberi matlamat yang jelas kepada perancangan kurikulum di universiti atau sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negara dan Kementerian Pendidikan, para pendidik, serta ibu bapa pelajar supaya mereka mengambil berat untuk memotivasikan anak-anak mereka. Dengan adanya maklumat yang tepat dan jelas ini, bantuan berbentuk motivasi akan mudah diberikan supaya pelajar Thai berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga dapat memberikan maklumat kepada para pengkaji bahasa Melayu, iaitu berkenaan dengan maklumat yang sebenar tentang analisis kontrastif kata adjektif dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai. Hal ini dapat menjadi pencetus kepada pengkaji melakukan kajian yang lebih luas, serta membuat kajian dengan lebih mendalam tentang analisis kontrastif kata adjektif kedua-dua bahasa Melayu dan Thai.

Selain itu, Pusat Perkembangan Kurikulum harus mempertingkatkan serta mengambil perhatian serius terhadap bahasa Melayu, dan memberi garis panduan kepada penerbit yang terlibat tentang liputan mata pelajaran bahasa yang perlu dirangkumi agar bahan yang dipilih bertepatan dengan sukatan pelajar.

Begitu juga para pendidik bahasa Melayu dan pihak pentadbiran sekolah harus memainkan peranan penting dalam usaha menggembeling tenaga untuk membantu pelajar dari segi penyediaan bahan pengajaran, latihan-latihan intensif, motivasi kepada pelajar, serta penyediaan bahan tambahan dan pengukuhan, dengan tujuan mengurangkan kesukaran dan kerumitan yang mereka hadapi ketika mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu, pihak guru harus sering mengadakan perbincangan dan penilaian kendiri terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas atau di luar kelas. Berdasarkan teori analisis kontrastif, guru adalah model terbaik untuk pelajar dalam membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pada masa yang sama pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga harus mengubah sikap dan persepsi mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan komunikasi antarabangsa.

Melalui analisis ini juga, penulis dan penerbit akan mendapat panduan dalam menghasilkan buku yang bermutu serta memenuhi kehendak sukatan pelajaran bahasa. Kekuatan dan kelemahan dapat dikenal pasti dalam membuat pemilihan bahan, pembentukan soalan, penyusunan aktiviti dan latihan agar selaras dengan kurikulum pendidikan bahasa.

Walau bagaimanapun kajian analisis kontrastif antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai telah dikaji oleh orang Melayu dan orang Thai, tetapi kajian analisis kontrastif kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Thai masih belum dijalankan. Pengkaji berharap penyelidikan mengenai analisis kontrastif diteruskan dalam kajian yang selanjutnya untuk mendapatkan maklumat tentang keupayaannya.

Akhirnya, pengkaji berharap semoga kajian ini menjadi salah satu bahan ilmiah yang bermanfaat dalam membantu sesiapa sahaja yang berminat selain daripada pengkaji sendiri, pelajar-pelajar Thai lain yang mempelajari bahasa Melayu, pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Thai, para penulis teks bahasa dan ahli akademik. Insya Allah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

BUKU

Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa pedagogi untuk sekolah menengah.* Kuala Lumpur: PTS Professianal Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Darma. (2002). Gerakan rakyat dalam pembinaan bahasa Melayu di Pattani. dalam Awang Sariyan (pnyt). dalam *Prosiding kongres bahasa dan persuratan melayu IV.* (m/s: 343). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alias Mohd. Yatim. (1998). *Mengenali bahasa Melayu.* Kedah Darul Aman: Percetakan Paavai.

Anumanrajthon, Phraya. (1956). *Niruktisat.* Bangkok: Rongphim Rungrengtham.

Asmah Hj. Omar. (2004). *Penyelidikan pengajaran dan pemupukan bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. (2008). *Nahu kemas kini panduan bahasa yang baik dan betul.* Kuala Lumpur: Publishing Sdn. Bhd.

Chamniroksant, Dusdeporn. (1983). *Comparative linguistics.* Bangkok: Chulalongkorn University Press.

Fisiak, Jacek. (1981). Some Introductory Notes Contrastive Linguistics dalam Fisiak, Jacek (ed). *Contrastive linguistics and the language teacher.* Oxford: Pergamon Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fries. (1945). *Teaching and learning English as a foreign language.* Ann Abar: University of Michigan Press.

Jamaliah Mohd. Ali. (1990). *Analisis kontrastif dan analisis kesilapan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jongjit Nimman Narathib. (2008). *Lak pasa Thai.* Bangkok: The Books.

Khamchai Tonglo. (1997). *Lak pasa Thai.* Bangkok: Amon Khan Pim.

Khanittanan Wilaiwan. (1983). "Usage of address terms: A comparative study of three social groups", in *International conference on Thai studies paper under language and literature field.* Bangkok: Thai Studies Program. Chulalongkorn University, hlm. 1-11.

Lado, Robert. (1957). *Linguistics across cultures.* Ann Arbor: The University of Miching Press.

Li, Fang Kuei. (1970). "Some consonant clusters in Proto-Thai", *A Handbook for comperative Tai.* Hawaii: University Press Of Hawii.

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa dewan (Edisi Ketig).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nim Kanchanaciwat Perin. (2002). *Lak pasa Thai.* Bangkok: Thai Watana Panic.

Noresah Baharom. (1997). *Kamus Linguistik.* Kuala Lumper: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Phanthumetha, Banjob. (1976). *The structure of Thai language.* Bangkok: Ramkhamhaeng University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sakon Bunlaek. (1995). *Pasa Thai*. Institute Rachapak.

Sawad Rengsi. (1999). *Lak pasa Thai*. Institute Rachapak phed Buri.

Sulaiman Masri, Ahmad Khair Mohd Nor. (2000). *Tatabahasa Melayu mesra pengguna (Edisi baharu)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Sumalee Nimmanupap. (1994). *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai: Satu analisis sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Wilkins, D.A. (1972). *Linguistics in language teaching*. Edward Arnold: London.

Zainal Abidin Ahmad. (2000). *Pelita bahasa Melayu penggal I-III (Edisi baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zamri Mahamod. (2007). *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pemerolehan bahasa pertama dan kedua*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

TESIS

Abdunraman Tohlong. (2005). *Faktor yang mendorong pelajar Selatan Thailand mempelajari bahasa Melayu*. Tesis ME.d. Tanjong Malim Perak: Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Alicio, Atilio V. (1996). *Contrastive analysis and erros analysis: The verbal system of Malay and Spanish*. Tesis M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Choi Kim Yok. (1986). *Essai de recherche en analyse contrastive et en analyse d'erreurs: Les systemes morphologiques du francais et du malais.* Tesis M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Haded Mohd. Said Salem. (1997). *Contrastive analysis and erros analysis the verbal system of arabic and English.* Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hasnah Nataning. (2004). *Pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah agama rakyat di Selatan Thailand.* Tesis ME.d. Fakulti Bahasa. Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ismail Ibrahim. (1990). *Dirasat Taqabuliyyat baina al-Lughatain al-Arabiyyat wa al-Maliziyyat Ala Mustawa al-Tarkib al-Nahwiy.* Tesis M.A. Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Krishnasamy, N. Hariharan. (1993). *A contrastive analysis of Malay and Tamil nouns.* Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad Nasir. (1991). *Dirasat Taqabuliyyat baina al-Lughat al-Arabiyyat wa al-Maliziyyat ala mustawa al-Jumlat al-Istifhamiyyat.* Tesis M.A. Sudan: Universiti Bahasa Arab Antarabangsa Khartoum.

Muhammad Zain bin Mahmud. (1994). *Al-Nizam al-Nahwiy fia al-lughat al-Arabiyyat wa al-Maliziyyat.* Meser: Jabatan bahasa Arab dan bahasa-bahasa Timur. Universiti Iskandariah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Roshidah Hassan. (1997). *Analisis kontrastif kata ganti nama diri bahasa Melayu dan bahasa Peranchis.* Tesis M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Siriporn Kalong. (2005). *Pengumpulan peribahasa Thai di Selatan Thailand dan terjemahannya dalam bahasa Melayu.* Tesis ME.d. Fakulti Bahasa. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Siti Aishah Ashaari. (2004). *Kata adjektif bahasa Melayu-Arab: satu analisis kontrastif.* Tesis M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Soh Bee Kwee. (1996). *Frasa nama bahasa Melayu dan bahasa Mandarin: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan.* Tesis M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumalee Nimmanupap. (1989). *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai: Satu analisis sosiolinguistik.* Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wanphen Siriraksasak. (1998). *Analisis kontrastif kata depan bahasa Melayu dan bahasa Thai.* Tesis M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi